

NILAI ETIKA DALAM PERBILANGAN ADAT PERPATIH
MENURUT PANDANGAN ISLAM

NOR HASIAH BINTI HARUN

JABATAN AL - QUR'AN DAN AL - SUNNAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
SESI 1990 / 91

NILAI ETIKA DALAM PERBILANGAN ADAT PERPATIH
MENURUT PANDANGAN ISLAM

OLEH

NOR HASIAH BINTI HARUN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
PENGKAJIAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

JABATAN AL-QUR'AN DAN AL-SUNNAH
FAKULTI PENGKAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI 43600, SELANGOR DARUL EHSAN

SESI 1990/91

Latihan Ilmiah ini ku abadikan buat :

Ayanda bonda yang tercinta,
Pengorbananmu ku sanjung tinggi,
Terima kasih di atas kesabaranmu
mendidik, membimbing serta
menanti kepulanganku.

Harapanmu untuk melihat anakmu ini
menjadi insan yang berilmu
dengan 'kertas segulung'
Isyaallah telah ku tunaikan.

Doakan semoga, aku menjadikan
ia sebagai alat untuk menambah
keimanan dan ketakwaanmu pada
Ilahi serta membimbing keluarga
dan bangsaku.

Doaku untukmu,

"Ya Allah, ampunilah dosa kedua
ibubapaku, berkatilah umurnya
dan masukkan mereka berdua
dalam golongan hamba-hamba
yang beriman, beramal soleh
serta sentiasa di bawah hidayah
dan inayahMu, Amin ..."


Ikhlas dari anakmu,

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

01 April, 1991

15 Ramadhan 1411



(NOR HASIAH HARUN)

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
 عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَجَاهِدِينَ فِي
 سَبِيلِ الْإِسْلَامِ الْيَوْمَ الْيَوْمِ .

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta izin dan C^{inayah}Nya terutama penulis telah terselamat daripada peristiwa ngeri 9hb. Mac, 1991 jam 3.10 petang, maka penulis berjaya menyempurnakan Latihan Ilmiah ini. Di sini penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada :

[i] Ustazah Hasnah Hj. Salleh, selaku penyelia kepada Latihan Ilmiah penulis di atas kesudian beliau memberikan bimbingan dan meluangkan masa kepada penulis sehingga penulis dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Yang berbahagia En. Haji Ahmad Tainu, Ketua Penyelidik Koleksi Budaya, Seremban, Ustaz Haji Mustaffa Haji Ahmad, Ustaz Ali Baharom, En. Haji Md. Sharif Fakeh Hassan dan Encik Sulaiman Kadimi, Pegawai Pesaka daerah Kuala Pilah, yang telah banyak memberi bimbingan, penjelasan serta pandangan berhubung dengan kajian ini.

[ii] Yang dihormati dan dikasihi para pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, khasnya para pensyarah di Jabatan

Pengajian Al-Qur'an dan al-Sunnah, semoga segala ilmu yang dicurahkan kepada penulis dan rakan-rakan selama di kampus ini diberkati Allah serta memberi manfaat di dunia dan diakhirat.

[iii] Kak Ina yang telah menaip Latihan Ilmiah ini, rakan-rakan seperjuangan yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak membantu penulis menyiapkan Latihan Ilmiah ini terutama Liza, Kak Nah dan Misran.

[v] Akhir sekali teristimewa kepada keluarga tercinta, ayahanda dan bonda, alang, akak, anak saudaraku Najwa, Pak Teh sekeluarga, ~~serta~~ Pak Long sekeluarga serta Pak Anjang sekeluarga, doa kalian telah mengiringi kejayaan ini.

Nor Hasiyah Binti Harun (22700)
Jabatan Pengajian Al-Qur'an dan al-Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini membicarakan nilai etika yang terdapat dalam kata-kata perbilangan adat yang ada di dalam Adat Perpatih. Penilaiannya lebih khusus terhadap kata-kata perbilangan yang menyentuh tentang sistem nilai dan falsafah, sistem kekeluargaan dan kemasyarakatan, sistem ekonomi, sistem politik dan hukum adat. Perbincangan ini mengandungi tiga bab yang khusus.

BAB I : Penulis menyentuh tentang sejarah kedatangan Adat Perpatih dan Agama Islam ke Negeri Sembilan secara ringkas, pengertian adat serta menghuraikan sistem-sistem yang telah dinyatakan.

BAB II : Membicarakan pengertian etika dari sudut falsafah barat dan Islam. Di dalam bab ini juga penulis muatkan nas-nas syarak sama ada daripada al-Qur'an atau Hadis dan juga pendapat-pendapat ulamak yang bersesuaian ataupun yang bercanggah dengan kata-kata perbilangan tersebut.

BAB III : Penulis bawakan pandangan tokoh-tokoh agama di Negeri Sembilan serta pandangan penulis sendiri, sejauhmanakah kata-kata perbilangan adat itu bersesuaian dengan ajaran Islam. Akhir sekali penulis membuat kesimpulan secara menyeluruh berhubung dengan tajuk ini.

KANDUNGAN

JADUAL KANDUNGAN

HALAMAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iv
JADUAL KANDUNGAN	v
SINGKATAN KATA	vii
TRANSLITERASI	viii
PENDAHULUAN	ix

BAB I - ADAT PERPATIH

1.1. Sejarah Kedatangan Adat Perpatih Ke Negeri	
Sembilan	1
1.2. Pengertian Adat	7
1.3. Sistem Adat Perpatih	11
1.3.1. Sistem Nilai Dan Falsafah Adat	12
1.3.2. Sistem Kekeluargaan Dan Kemasyarakatan ..	38
1.3.3. Sistem Ekonomi	38
1.3.4. Sistem Politik	43
1.3.5. Sistem Hukum Adat	50

BAB II - KONSEP ETIKA

2.1. Pengertian Etika	67
2.2. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Nilai	
Dan Falsafah Adat	72

JADUAL KANDUNGAN	HALAMAN
2.3. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Kekeluargaan Dan Kemasyarakatan	85
2.4. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Ekonomi	102
2.5. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Politik	108
2.6. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Hukum Adat	125
BAB IV - PANDANGAN DAN KESIMPULAN	
3.1. Pandangan Tokoh-tokoh Agama Masyarakat Adat Perpatih	163
3.2. Pandangan Penulis	175
KESIMPULAN	180

SINGKATAN KATA

a.s.	^c Alayh al Salām
cet.	cetakan
Dr.	Doktor
Prof.	Professor
ed.	diedit oleh
H.	Hijrah
hlm.	halaman
ibid	di tempat yang sama
jil.	jilid
juz.	juzuk
k.w.	Karrama Allah Wajhahū
M.	Masihi
ptrj.	penterjemah
r.a.	Raḍiya Allāh ^c anhu/ ^c Anhā
s.a.w.	Ṣalla Allāh ^c anhu/ ^c Anhā
s.w.t.	Subhānahū Wa Ta ^c ālā
t.pt.	tanpa penerbit
t.th.	tanpa tarikh
t.tp.	tanpa tempat

TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin
ا	'
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s

Huruf Arab	Huruf Latin
ض	d
ط	t
ظ	z
ع	c
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	t

Vokal Pendek	
a	_____ /
i	_____
u	_____ /

Vokal Panjang	
ā	_____ /
ī	_____ /
ū	_____ /

Diftong	
ay	_____ /
aw	_____ /

PENDAHULUAN

Kata perbilangan adat merupakan dasar hukum dalam pentadbiran Adat Perpatih. Istilah-istilah lain yang terangkum di dalamnya ialah pepatah petitih, gurindam, kata bidalan dan pantun. Kata-kata perbilangan ini diciptakan oleh orang-orang Minangkabau dahulu adalah berdasarkan kepada pengalaman setelah merenungi alam sekeliling. Cuba amati kata pantun ini :

Penakik pisau seraut
Ambil galah batang lintabung
Seludang jadikan nyiru
Setitik jadikan laut
Sekepal jadikan gunung
Alam berkembang jadikan guru.

Kata-kata perbilangan adat ibarat kata mustika yang berharga. Di dalamnya akan ditemui pepatah-petitih yang amat tinggi nilai falsafahnya, sekaligus memperjelaskan hubungan antara ajaran adat dengan ajaran syarak :

Pada adat
Menghilangkan yang buruk
Menimbulkan yang baik
Kata syarak
Menyuruh berbuat baik
Menegah berbuat jahat

Oleh yang demikian, kata-kata perbilangan ini telah mendorong hati penulis untuk membuat kajian yang lebih tertumpu kepada kata-kata perbilangan adat, seterusnya membuat penilaian sejauhmanakah kesesuaiannya dengan ajaran Islam. Semoga usaha ini memberi manfaat kepada para pembaca dan terutamanya kepada mereka yang hidup dalam masyarakat Adat Perpatih.

BAB I

ADAT PERPATIH

1.1. Sejarah Kedatangan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan

Apabila kita hendak mengkaji sejarah kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan, kita tidak dapat lari daripada mengkaji kedatangan peneroka Minangkabau kerana penyerapan adat itu ke dalam masyarakat rantau ini adalah selaras dengan kedatangan peneroka-peneroka tersebut. Tujuan kedatangan mereka untuk membuat kampung halaman, lebih-lebih lagi kehadiran mereka disambut oleh penduduk asli tempatan dengan baik dan telah melakukan persemendaan (perkahwinan) antara kedua belah pihak.

Berhubung dengan peristiwa di atas tidak dapat dipastikan tentang tarikh yang tepat bilakah ia berlaku. Menurut Khazin Mohd. Tamrin, kedatangan mereka dalam abad ke 19 hanyalah merupakan satu proses yang sentiasa berlaku sebelum abad ke 19, di kalangan masyarakat Melayu di alam Nusantara yang mana kehidupan dari segi politik, sosial, ekonomi, keturunan, agama dan kepercayaan serta cara hidup adalah sama.¹

Persejarahan Newbolt menganggarkan ia bermula dalam pertengahan kurun ke 14. Jika anggaran tarikh itu diterima nyatalah bahawa ketika itu sezaman dengan kerajaan Melayu Melaka mula dibuka.

¹Khazin Mohd Tamrin, Orang Jawa Di Selangor, Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940 (K. Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), hlm. 11.

Menurut J.M. Gullick, di zaman Kesultanan Melaka (T.M. 1400 - 1511) telah bertapak segolongan kecil kelas pemerintahan yang bergantung kepada Melaka. Pemerintah dari Melaka ini membawa masuk peneroka-peneroka Melayu untuk membuka Sungai Ujung. Kedatangan mereka adalah secara berkumpulan dan telah berkahwin dengan masyarakat tempatan lalu membentuk masyarakat campur yang dipanggil biduanda ataupun dipanggil sakai.¹

Kemuncak perkembangan empayar Melaka pada pertengahan abad ke 15, berkemungkinan memulakan penghijrahan orang Minangkabau ke Melaka. Kerajaan kecil seperti Siak, Rokan dan Inderagiri di Sumatera tunduk kepada pemerintahan Kesultanan Melaka. Keadaan ini mewujudkan hubungan tidak langsung antara Sumatera dan Melaka. Oleh kerana ketika itu Melaka terkenal dengan pelabuhan yang maju, ia menjadi pendorong yang kuat kepada orang-orang Minangkabau ke Melaka khususnya melalui Sungai Ujung. Mereka menjadikan Naning sebagai penempatan untuk menjalankan perdagangan.

Selepas kejatuhan kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511, orang-orang Minangkabau yang mendiami kawasan pantai seperti di Linggi, menyusur masuk melalui anak Sungai Linggi ke daerah pendalaman. Mereka membina pertempatan di tepi-tepi sungai untuk memudahkan perhubungan dan mendapatkan sumber air. Mengikut Dt. B. Nordin Yakub,² kedatangan orang Minangkabau pada abad ke 15 dapat

¹J.M. Gullick, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu (K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978), hlm. 55.

²Dt. B. Nordin Yakub Minangkabau Tanah Pusaka (Bukit Tinggi : Pustaka Indonesia, 1987), hlm. 42.

dibuktikan melalui makam yang terdapat di Sungai Udang, Linggi. Batu nisan yang ditemui sama bentuknya dengan batu nisan di Batu Sangkar, Sumatera. Hujahnya lagi, pada zaman Kesultanan Mansur Syah (1459-1477) orang Minangkabau ramai terdapat di Melaka (Naning). Jadi, kemasukan orang-orang Minangkabau ke Sungai Ujong adalah melalui pantai Melaka (Kuala Linggi) dan Kuala Kelang. Ada bidalan di Sungai Ujong yang berbunyi - "Berpengkalan ke Melaka dan Poi Ka Kolang".

J.M. Gullick pula berpendapat pada masa yang sama juga, masyarakat Minangkabau mula datang beramai-ramai ke Sungai Ujong.¹ Mereka telah membawa bersama-sama Adat Perpatih yang diamalkan di Sumatera. Perkahwinan campur antara mereka dan orang-orang tempatan mewujudkan suku-suku yang didasarkan kepada tanah asal mereka. Ini menunjukkan bahawa penulis-penulis barat dan tempatan mempunyai pendapat yang sama mengenai kedatangan masyarakat Minangkabau iaitu sezaman dengan kejatuhan Melaka melalui Kuala Linggi. Cuma tarikh sebenarnya tidak dapat dipastikan.²

Peneroka-peneroka pertama (awal) yang datang ke tanah Melayu (Sungai Ujong) pada amnya berasal dari daerah yang sama (luak 50 kota) seperti Paya Kumbuh, Seri Lemak di Mungkar dan dari luak Tanah Koto seperti Tanah Datar.³ Kedatangan mereka berlaku terus menerus

¹Gullick, Sistem Politik Bumiputra Tanah Melayu, hlm. 56.

²Martin Lister, "Malay Law in Negeri Sembilan", JMBRAS, no. 22, 1980, hlm. 299.

³Dr. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia (K. Lumpur : Universiti Malaya Press, 1975), hlm. 112.

dari zaman Kerajaan Melaka hingga abad ke 19. Mereka datang secara bergerombolan iaitu dalam kumpulan yang ramai. Semenjak 1773 gerombolan orang-orang Minangkabau yang terbesar datang berhijrah adalah dari Padang Tinggi, Siak dan Kapar. Ini disebabkan kemasukan anak raja dari Pagaruyung untuk ditabalkan menjadi raja di Sri Menanti.¹

Menurut buku Sejarah Alam Melayu pula, yang disusun oleh Buyong Adil, kedatangan orang Minangkabau yang pertama kira di sekitar abad ke 15. Buktinya terdapat sebuah Makam Sheikh Ahmad, di Sungai Udang, Linggi yang didakwa berasal dari Minangkabau kerana dikatakan bentuk batu nesan serta kata-kata tulisannya serupa dengan batu bersurat di Batu Sangkar dan Pagarruyung, dan ia juga boleh didapati di Aceh.²

Walaupun, timbul keraguan sama ada Sheik Ahmad itu keturunan Minangkabau atau Arab, yang penting di sini ia menjadi bukti memasukkan Islam ke Negeri Sembilan di sekitar abad ke 15 iaitu sebelum 1467M/872H kerana di batu nesan itu tertulis tarikh Sheikh Ahamd meninggal dunia pada 1467M/872H (sezaman dengan pemerintahan Sultan Mansor Shah di Melaka 1459-1477M).³

¹ Nordin Yakub, Minangkabau Tanah Pusaka, hlm. 43.

² Abdul Samad bin Idris (Dato'), Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari Segi Sejarah dan Kebudayaan (t.tp : Pustaka Asas Negeri, 1970), hlm. 13.

³ Ibid., hlm. 14.

Di sini timbul persoalan, apakah pendorong utama penghijrahan orang-orang Minangkabau ke Tanah Melayu? Pendorong utama penghijrahan mereka ke Tanah Melayu khasnya Sungai Ujong adalah terikat dengan tradisi yang menggalakkan anak-anak mudanya merantau untuk mencari penghidupan baru sama ada untuk menambahkan ilmu pengetahuan atau untuk mengumpulkan kekayaan. Bagi masyarakat Minangkabau, 'merantau' merupakan satu kemestian kepada golongan muda sehingga mereka masih tidak dianggap dewasa jika belum 'merantau'. Ini sesuai dengan pepatah Minangkabau - 'merantau dulu, di sini berguna belum!'. Konsep 'merantau' ini telah digunakan oleh Mokhtar Naim dalam kajian mengenai sebab-sebab dan kesan penghijrahan orang Minangkabau ke kawasan lain di alam Melayu.²

Perkembangan negeri Melaka sejak pertengahan abad ke 15 telah mengakibatkan perpindahan pertama kalinya ke Melaka dengan jumlah yang ramai. Proses ini dipercepatkan lagi di zaman kegemelangan dan kemakmuran empayar Melaka dari segi politik dan ekonomi. Tetapi apabila Portugis mengamalkan dasar monopoli

²Sila lihat Dr. Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau (Yogyakarta : Gajah Mada Universiti Press, 1979).

perdagangan dan akibat kegiatan Raja Kecil Besar di Siak, orang-orang Minangkabau berpindah beramai-ramai di Sungai Ujong sehingga masyarakat Minangkabau menamakan kawasan ini Minangkabau Tanah Melayu.¹ Tujuan kedatangan mereka juga adalah untuk mencari penempatan baru seperti kemasukan Inggeris ke Amerika sehingga wujud apa yang dipanggil 'Sumatran Minangkabau' di Sungai Ujong.²

Pada tahun 1773, apabila rombongan pembesar dari Negeri Sembilan pergi ke Minangkabau (Pagaruyung) untuk mendapatkan seorang anak raja untuk ditabalkan di Sungai Ujong, sekali lagi proses penghijrahan menjadi rancak. Pada tahun yang sama Raja Melewar ditabalkan menjadi Yamtuan. Apabila Raja Melewar mangkat, Raja Hitam dibawa masuk dari Sumatera. Sekali lagi Negeri Sembilan menjadi tumpuan. Keadaan ini berlaku kerana telah menjadi tradisi orang Melayu taat dan patuh kepada raja. maka setiap kali raja berpindah ke tempat lain, ia akan tetap disertai oleh rakyatnya. Penghijrahan orang-orang Minangkabau berterusan hingga kini hingga batas-batas tertentu terpaksa dilakukan oleh pihak-pihak berkenaan.

Walaupun kedatangan masyarakat Minangkabau didorong oleh berbagai sebab termasuk untuk mencari penempatan baru dan untuk mengumpulkan kekayaan, tetapi apa yang nyata ialah kedatangan masyarakat Minangkabau ini membawa satu tradisi Adat Perpatih yang menjadi amalan sebahagian besar masyarakat Negeri Sembilan.

¹D.J.M. Tate, The Making of Modern South East Asia (MMSEA), Vol. II (K. Lumpur : Oxford University Press, 1871), hlm. 56.

²Martin Lister, "Malay Law in Negeri Sembilan", JMBRAS, hlm. 300.

Kemudiannya susurgalur nisab sebelah ibu pula satu ciri penting dalam menentukan jurai keturunan. Tradisi yang dibawa dari Sumatra ini masih lagi dikekalkan hingga kini, malah menjadi kebanggaan bagi masyarakat pengamal Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

1.2. Pengertian Adat

Istilah 'adat' adalah berasal daripada perkataan ^CArab (عادة) yang bererti kelaziman atau kebiasaan.¹ Dari segi bahasa '^Cadat' diertikan sebagai satu peraturan yang sudah diamalkan turun menurun dalam satu masyarakat sehingga ia merupakan hukuman atau peraturan yang harus dipertahankan.² Dr. Sidi Gazalba pula telah menulis bahawa adat itu ialah kebiasaan yang sudah melembaga sehingga ia bersifat peraturan. ^CAdat yang mempunyai kekuatan hukum disebut hukum adat, jika dilanggar akan mendapat hukuman.³

Di kalangan fuqaha' Islam ^CAdat disebut ^Curuf yang bererti 'mengetahui'. Ibnu Mansur membawa pengertian ^Curf iaitu sesuatu yang diketahui oleh seseorang tentang sesuatu yang menjadikan ia selesa.⁴ Al-Ghazali sendiri memberi takrif ^Curf sebagai perkara yang dirasakan mudah dan diterima oleh akal manusia dan oleh tabiat

¹Mohammad ^CIdris Abdul Rauf al-Marbawi, Kamus Idris al-Marbawi ^CArabi-Malayuwi (Mesir : Mustafa Al-Babi Al-Halabi wa Auladahu, 1350), hlm. 84.

²Dr. Taliku Iskandar, Kamus Dewan (K. Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), hlm. 6.

³Drs. Sidi Gazalba, Ilmu Islam II (K. Lumpur : Perusahaan Offset Bumikita, 1979), hlm. 119.

⁴Jamaluddin Muhammad b. Mukram Ibnu Manzūr, Lisān al-^CArab, 15 jilid (Beirut : Dar al-Beirut, 1968M-1388H) jilid 9, hlm. 239.

yang normal. Manakala Ibnu Abidin pula mendefiniskan ^Curf sebagai perkara yang berulang dan diterima dari segi praktik dan diterima oleh tabiat manusia yang sejahtera.¹

Tetapi menurut 'A Dictionary Of Social Science', adat adalah sukar untuk diberi pengertian yang tepat.² Pengertiannya dirujuk kepada perlakuan kelompok masyarakat yang non-teknikal atau adat yang dipelajari oleh individu sebagai satu yang telah menjadi kebiasaan.

Maka di sini dapatlah dilihat bahawa ^Cadat adalah cara hidup masyarakat yang diberi oleh Allah mengikut keselesaan mereka. Cara hidup ini dituangkan dalam peraturan hidup, lalu dijadikan pedoman hidup bagi anggotanya.

Merujuk kepada pengertian Adat Perpatih pula, istilah adat dalam rangkai kata 'Adat Perpatih' pula membawa makna yang luas dan pengertian yang mendalam. Adat Perpatih lengkap dengan segala undang-undang atau tata tertib, lebih tepat lagi merupakan seolah-olah satu perlembagaan.³ Ia adalah sistem peraturan hidup ciptaan Dato Papatih Pinang Nan Sebatang yang dibawa oleh suku Minangkabau

¹Ismail Mat, "Pemakaian Kaedah Antropologi dan Sains Perundangan Islam Dalam Kajian dan Pernilaian Kes Undang-undang Adat", Islamiyyat, vol. 7, hlm. 33.

²Julius Gould William L. Kolb (e.d.), A Dictionary Of The Social Sciences (New York : The Free Press, t.th.), hlm. 176.

³Mokhtar bin Hj. Md. Dom, Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia (K. Lumpur : Federal Publication, 1977), hlm. 1.

ke Tanah Melayu dan ia merupakan undang-undang yang tidak bertulis.¹ Tujuan 'undang-undang' tersebut untuk membendung perlakuan dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan anggota masyarakatnya.

Tan Sri Abdul Samad Idris, seorang tokoh Adat Perpatih menerangkan bahawa Adat Perpatih merupakan satu sistem pentadbiran dan pemerintahan serta cara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara yang dikawal oleh peraturan-peraturan hidup sehari-hari atau jelasnya menurut istilah sekarang ialah undang-undang negara.² Cikgu Hassan pula menambah dalam satu ceramah mengenai adat bahawa Adat Perpatih dianggap satu peraturan atau undang-undang tulen bagi orang-orang Melayu yang tidak dapat dibelah bagi lagi.³

Adapun Adat Perpatih yang dianggap sebagai 'undang-undang' atau peraturan itu dapat dibahagikan kepada empat kategori :⁴

- a. Adat yang sebenar adat iaitu adat yang asasi seperti menthabitkan keturunan daripada sebelah ibu, hidup bersuku-suku, beraja berundang, berlembaga, tanah pesaka adat dan lain-lain.

¹ A. Kadir Yusof, "Mengenal Adat Perpatih : Struktur dan Organisasinya", Dewan Masyarakat (April, 1972), hlm. 38.

² Hj. Abd. Samad Idris, "Kemurnian Dalam Adat Perpatih", Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih (Anjuran : Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10-12 April, 1974), hlm. 3.

³ _____, "Susunan Adat Perpatih Bercorak Demokrasi", Berita Harian, 7 Mac, 1969.

⁴ Tuan Hj. Md. Sharif Fakeh Hassan, "Keberkesanan Adat Perpatih Dalam Membentuk Sebuah Masyarakat Yang Dinamis", Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih (Anjuran PERMANIS, UKM, 1988), hlm. 2.

- b. Adat yang diadatkan iaitu suatu yang disusun mengikut muafakatnya kemudian dijadikan adat.
- c. Adat yang teradat iaitu kata muafakat yang telah diadatkan (resam) dan keadaannya berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain.
- d. Adat istiadat iaitu adat-adat resam yang terdapat dalam sesuatu upacara seperti adat istiadat perkahwinan, berkadim dan sebagainya.

Berdasarkan kepada kategori-kategori yang dinyatakan di atas, adat yang sebenar adat itulah yang dikatakan 'undang-undang'. Maka peraturan adat atau undang-undang inilah yang menjadi panduan dan pegangan bagi pemegang teraju adat.¹ Sama keadaannya seperti pemimpin-pemimpin yang memegang teraju pemerintahan negara. Sesiapa yang melanggar undang-undang meskipun yang melakukannya anak pemegang adat, maka ia mesti dihukum seimbang dengan kesalahan yang dilakukannya. Maka di sini lahirlah pepatah ;

Biar mati anak, jangan mati adat
 Dianjak layu, dicabut mati
 Tak lekang dek panas
 Tak lapuk dek hujan.

Kategori yang kedua, ketiga dan keempat boleh berubah mengikut kebulatan muafakat kerana 'alah adat tegal muafakat'.

Tetapi kata adat 'tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan' acapkali disalah ertikan dan diucapkan bukan pada tempatnya

¹Pemegang-pemegang teraju adat ialah Buapak, Lembaga dan Penghulu atau Undang.

sehingga dianggapkan keseluruhan Adat Perpatih itu telah sempurna sedangkan perbilangan adat ada berkata :

Nan elok dipakai,
 Nan buruk dibuang,
 Usang-usang diperbaharui,
 Lapuk-lapuk dikajangi,
 Melihat kepada yang sudah,
 Melihat tuah yang menang.

Daripada maksud perbilangan di atas jelas membuktikan bahawa 'adat-adat' dalam Adat Perpatih bukan suatu yang statik tetapi ia boleh diubah demi kebaikan adat itu sendiri. Lebih-lebih lagi Adat Perpatih mengiktiraf ketinggian dan kesempurnaan syariat Islam setelah Islam datang ke alam Minangkabau.

1.3. Sistem Adat Perpatih

Sistem Adat Perpatih hanya diamalkan di Negeri Sembilan dan di setengah-setengah tempat di Melaka. Sistem ini mengutamakan susurgalur daripada ibu dan perlaksanaannya lebih jelas dapat dilihat dalam hubungan kekeluargaan dan undang-undang yang berhubung dengan tanah.¹

Dasar pelaksanaan sistem Adat Perpatih ini ialah muafakat dan demokrasi. Perbilangan adat berkata :

Bulat air kerana pembetong,
 Bulat manusia kerana muafakat,
 Bulat anak buah mengadakan buapak,
 Bulat buapak mengadakan besar,
 Bulat besar, buapak beserta anak buah
 mengadakan lembaga.

¹ M.B. Hooker, Reading in Malay Adat Laws (Singapore : University Press, 1970), hlm: xi.

Tujuannya untuk membentuk nilai-nilai kemanusiaan, seterusnya mewujudkan sebuah masyarakat yang aman dan damai. Walau bagaimanapun setelah kedatangan Islam, Adat Perpatih mengakui keagungan dan kesempurnaan agama Islam :

Adat bersendikan hukum,
Hukum bersendikan kitabullah,
Syara^c mengata adat menurut.

Peraturan dalam sistem Adat Perpatih terbahagi kepada dua :¹

- a. Peraturan asasi.
- b. Peraturan bukan asasi.

Peraturan asasi sama sekali tidak boleh diubah atau dipinda, jikalau dipinda musnahlah adat - 'dianjak layu, dicabut mati'. Ia disebut juga yang sebenar adat seperti yang telah dijelaskan.

Peraturan bukan asasi pula, ia boleh dipinda mengikut keperluan masa dan tempat iaitu adat yang diadatkan, adat yang teradat dan adat istiadat.

Di sini penulis akan membahagikan sistem Adat Perpatih itu kepada beberapa bahagian, di antaranya ialah :

1.3.1. Sistem Nilai Dan Falsafah Adat

Dasar nilai dan falsafah Adat Perpatih berasal dari adat Minangkabau yang berasaskan kepada ketentuan-ketentuan yang terdapat pada alam.² Oleh sebab itu ia ditegaskan dalam perbilangan adat :

¹Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih (K. Lumpur : Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd., 1982), hlm. 3.

²Prof. Mr. M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau (Djakarta : Bulan Bintang, 1971), hlm. 25.

Setitik jadikan laut,
Sekepal jadikan gunung,
Alam berkembang jadikan guru.

Di bawah ini penulis akan menjelaskan bahagian-bahagian sistem nilai dan falsafah adat, tetapi ia bukan suatu yang mutlak. Di antaranya ialah :

a. Nilai dan Falsafah Budi

Dalam masyarakat Adat Perpatih budi adalah salah satu ciri yang sewajibnya ada pada setiap individu. Setiap anggota masyarakat dikehendaki sentiasa berbudi bahasa di antara satu sama lain. Perhatikan kata perbilangan ini :

Nan korek itu kendi
Nan merah itu saga
Nan baik itu budi
Nan indah itu bahasa.

Rupa tak dapat diubah
Perangai dapat diubah.

Budi adalah satu cara hidup¹ dan merupakan ikatan yang sangat erat dalam menghubungkan di antara setiap anggota masyarakat:

Duduk berpelarasan,
Dekat rumah dekat kampung,
Boleh pinta meminta,
Sakit pening jenguk menjenguk.

Menurut Prof. Mr. M. Nasroen :

"Budi dan kehalusan rasa itu bukanlah sesuatu yang ideal sahaja, tetapi ia adalah satu yang dapat

¹Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih, hlm.5.

diamalkan".¹

b. Nilai dan Falsafah Terhadap Individu Dan Masyarakat

Masyarakat Adat Perpatih tidak berfahaman individualisme dan totaliterisme dalam hidup mereka. Hubungan individu dan masyarakatnya ibarat 'isi dengan kuku'. Panduan falsafah hidup mereka sehari-hari, 'yang tua dimuliakan, sama sebaya dihormati yang muda dikasihi'. Oleh itu, nilai hidup mereka atas konsep 'bersama'dan saling hormat menghormati.

Oleh kerana wujudnya masyarakat atas himpunan individu-individu, maka setiap individu harus mempunyai sifat terpuji seperti majlis menga maruah, berani dalam kebenaran, bersiat ideal dan sebagainya. Justeru itu lahir sebuah masyarakat yang berkualiti dan dihormati di mana nilai hidup mereka adalah atas konsep muafakat.

Rundingan jangan berselisih
Muafakat jangan bercanggah
Tuah pada sekata
Berani pada seiya.²

Setiap individu dalam masyarakat juga harus menanamkan dalam jiwa mereka perasaan kasih sayang serta menjauhkan perkara-perkara yang boleh membawa kepada perpecahan.

¹Md. Sharif Fakeh Hassan, "Keberkesanan Adat Perpatih Dalam Membentuk Sebuah Masyarakat Yang Dinamis", hlm. 10.

²Mr. M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, hlm. 50.

c. Nilai dan Falsafah Terhadap Kepimpinan

Nilai dan falsafah kepimpinannya berlandaskan kepada dua konsep iaitu muafakat dan budi. Suatu keputusan mestilah dicapai dengan kata sepakat, yang kalah tidak harus kecil hati atau rasa terhina. Perbilangan adat ada berkata :

Penghulu beraja ke muafakat
Muafakat beraja kepada yang benar
Benar berdiri dengan sendirinya
Nan dinamakan alur dan patut.

Pemimpin adalah tempat rakyatnya bernaung dan mengadu nasib.

Pemimpin ibarat :

Air yang jernih
Tempurung yang leper
Seperti pohon di tengah padang
Uratnya tempat bersela
Batangnya tempat bersandar
Dahannya tempat bergantung
Buahnya untuk dimakan
Daunnya untuk berlindung.

d. Nilai dan Falsafah Terhadap Ekonomi

Dalam Adat Perpatih ekonomi mempunyai nilai yang amat penting. Ekonomi yang kuat membawa kepada ketenangan jiwa. Majlis di tepi air,¹ merdesa di perut kenyang,²

Majlis di tepi air
Merdesa di perut kenyang.

¹ Majlis ertinya bersih.

² Merdesa ertinya bersopan santun dan berbaik-baik.

Nilai ekonominya disamakan dengan emas dari segi kepentingannya. Ekonomi yang teguh adalah pennebus maruah diri dan bangsa seperti yang terkandung dalam perbilangan adat :

Emas pendinding malu
Kain pendinding miang

Hilang rupa dek penyakit
Hilang bangsa dek tak beremas.

Oleh yang demikian adat menyuruh masyarakatnya supaya rajin bekerja dan sanggup bersusah payah untuk mendapatkan rezeki yang halal.

Kata pantun :

Kayu hutan bukan andalas
Elok dibuat ke lemari
Tahan hujan berani berpanas
Begitu orang mencari rezeki.

1.3.2 Sistem Kekeluargaan dan Kemasyarakatan

Sebagaimana yang telah difahamkan bahawa dari segi keturunan dan kekeluargaan dalam masyarakat Adat Perpatih memakai sistem unilateral (disusur galur dari satu pihak sahaja iaitu pihak ibu). Jesteru itu timbul beberapa konsep untuk menerangkan peringkat-peringkat kekeluargaan dan seterusnya membentuk sebuah masyarakat seperti konsep suku, perut dan jurai.

a. Suku

Perkataan 'suku' bererti 'seperempat' kerana menurut teromba¹ minangkabau, mereka berasal dari empat suku iaitu :²

- a. Suku Koto.
- b. Suku Piliang.
- c. Suku Budi
- d. Suku Caniago.

Tetapi dalam Adat Perpatih dan Adat Minangkabau suku ialah golongan manusia yang berasal dari satu keturunan yang disusur galurkan dari pihak ibu. Walau bagaimanapun tokoh-tokoh adat ini memberi takrif yang berbagai-bagai berhubung dengan istilah 'suku', di antaranya ialah :

- a. H.M. Dahlan berkata bahawa di zaman dahulu kala, suku adalah alam mental dan fizikal yang dijelmakan dalam bentuk satu negeri - satu suku. Kedudukan seseorang dalam suku ditentukan melalui keturunan mengikut perkembangan atau nasab ibu.³
- b. Idris Hj. Tain menjelaskan bahawa suku bukanlah mengandungi anggota yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang jelas tetapi

¹Nordin Bachik, Adat Perpatih, Transkripsi Sejarah Lisan, Koleksi Adat Perpatih, hlm. 1. Teromba ialah asal usul yang diturunkan atau disampaikan dengan mulut dari satu generasi ke satu generasi.

²Drs. M.D. Mansoer, Sejarah Minangkabau (Bharata Djakarta, 1970), hlm. 5; M. Rasjid Manggis Datuk Radjo Minangkabau Minangkabau Sejarah Rengkas Dan Adatnya (Jakarta: Penerbit Mutiara, 1982), hlm. 110.

³H.M. Dahlan, "Sistem Ide Dalam Masyarakat Adat", Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan (Anjuran : UPM, 1984), hlm. 9.

ia hanya satu pengelompokan anggota masyarakat yang telah ada sejak zaman tradisional. Faktor utama keanggotaan suku ialah hubungan kekeluargaan antara perut-perut yang ada dalam suku itu.¹

c. Zainal Kling menyatakan suku ialah sifat keanggotaan dan prinsip keturunan adalah sejurai keturunan. Ia merupakan kelompok yang eksklusif (tertutup) dan diskriptif (tersendiri) yang mengandungi anggota yang tertentu sahaja serta boleh dipisah daripada kelompok-kelompok yang lain.²

d. Prof. M.A. Hanafiah memberi pengertian suku di Minangkabau iaitu kesatuan kelompok manusia yang terkecil di Minangkabau adalah ibu dengan anak-anaknya (anak-anak seibu) yang kebiasaannya diketuai oleh saudara laki-laki tertua.¹

Maka di sini penulis membuat kesimpulan bahawa makna suku ialah anggota masyarakat yang berasal dari satu keturunan iaitu dari pihak ibu. Faktor utama keanggotaannya ialah hubungan kekeluargaan antara perut-perut yang wujud dalam suku itu. Hubungan di antara

¹Idris bin Hj. Tain, "Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan", Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih (Anjuran : Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 1974), hlm. 4.

²Dr. Zainal Kling, Masyarakat Melayu (K. Lumpur : Utusan Publication & Distribution, 1977), hlm.

³Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia, hlm. 119.

anggota suku ibarat adik-beradik dan satu keluarga seperti yang dirakamkan dalam kata perbilangan :¹

Beranak bersaudara
 Adik beradik
 Dekat rumah dekat kampung
 Sehalaman sepermainan
 Seperigi sepermandian
 Segayung sepergiliran
 Ibarat labu menjalar ke hilir
 Ibarat kundur menjalar ke hulu
 Puncaknya sama digentas
 Buahnya sama dipetik

Di dalam masyarakat tradisional di Negeri Sembilan terdapat dua belas suku :²

- a. Biduanda atau waris.
- b. Batu Hampar.
- c. Paya Kumbuh.
- d. Mungkal (Mungkar).
- e. Tiga nenek
- f. Sri Melenggang
- g. Sri Lemak
- h. Batu Belang
- i. Tanah Datar
- j. Tanah Aceh
- k. Anak Melaka
- l. Tiga Batu

² Idris Hj. Tain, Ibid., hlm. 4.

³ M.B. Hooker, Adat Laws In Modern Malaya (K. Lumpur : Oxford University Press, 1971), hlm. 21.

Bilangan suku-suku ini dinyatakan dalam kata perbilangan :¹

Raja beralam
 Penghulu berluak
 Lembaga berlingkungan
 Anak buah bersuku-suku
 Berapa Sukunya dua belas.

Di dalam dua belas suku ini, suku biduanda mempunyai kedudukan yang paling istimewa kerana ia dianggap suku pribumi Negeri Sembilan sedangkan suku-suku lain adalah pendatang.² Oleh itu ia adalah suku yang berhak menyandang pusaka Undang Luak.³

Ketua bagi setiap suku dipanggil Lembaga. Ia dipilih oleh anak-anak buah menerusi buapak-buapak mereka.

b. Perut

Perut merupakan satu organisasi sosial. Ia adalah kelompok anggota masyarakat yang benar-benar mempunyai hubungan dan salsilah yang dapat digalurkan dengan jelas sehingga tujuh generasi dari nenek moyang yang sama.⁴

¹ Abdul Rahman Mohammad, Dasar-dasar Adat Perpateh (K. Lumpur : Pustaka Antara, 1964), hlm. 28.

² Nama suku-suku itu disandarkan kepada tempat asalnya yang terdapat di Minangkabau.

³ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia, hlm. 115.

⁴ Norhalim Hj. Ibrahim, "Negeri Sembilan Sebagai Identiti Sosio-Politik Yang Unik", Kertas Kerja Identiti Budaya Negeri Sembilan, (Anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan N. Sembilan dan Jabatan Kebudayaan Dan Pelancongan Negeri Sembilan, 1988), hlm. 5.

Pembentukan organisasi ini berdasarkan kepada faktor keturunan nasab ibu. Ia lebih kecil dari kelompok suku. Secara umumnya terdapat perbezaan yang besar antara suku dan perut. Perut dianggotai oleh ahli masyarakat yang mempunyai hubungan dengan yang dapat dipastikan, sementara suku tidak. Kerana ada kemungkinan, anggota suku tiada hubungan darah langsung. Keadaan ini dapat dilakukan melalui satu proses yang dikenali sebagai berkadim.¹

Anggota-anggota yang membentuk perut mempunyai hubungan yang amat rapat. Setiap anggota perut mempunyai tanggungjawab dan hak yang sama. Hidup harus bekerjasama dan saling bantu membantu sama ada dari segi material ataupun tenaga khususnya dalam kenduri kendara, kematian dan seumpamanya, seperti kata perbilangan adat :²

Berat sama dipikul
 Ringan sama dijinjing
 Ke bukit sama didaki
 Ke lurah sama dituruni
 Ke laut sama direnangi,
 Dapat sama laba
 Cicir sama rugi

¹Proses bersaudara.

²Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia, hlm. 122.

Perut diketuai oleh ~~mamak~~ iaitu saudara lelaki sebelah ibu yang dipanggil **buapak**.¹ Beliau bertanggung jawab penuh dalam hal ehwal 'perut'nya. Misalnya dalam urusan hartanah pusaka adat, istiadat 'berkampung', kenduri kendara dan sebagainya. Beliau juga menjadi wakil kepada 'perut'nya dalam pertemuan dengan kelompok-kelompok lain.

c. Jurai

Jurai merupakan satu istilah yang menentukan hubungan persanakan dalam sesuatu masyarakat. Di Negeri Sembilan, ia merupakan satu susunan yang teratur dan merangkumi perut, kampung dan suku dalam satu susunan 'jurai' yang kompleks.²

Menurut pandangan ahli antropologi tempatan, jurai merupakan aturan untuk menentukan hubungan persanakan antara individu. Secara umumnya terdapat lima sistem persanakan di dalam masyarakat dan di Sungai Ujong ia menggunakan ~~matrinal~~ **matrinal descent**.³

Status anak buah dalam jurai lebih kecil dari perut Jurai merupakan kelompok keluarga yang berasal dari seorang nenek perempuan yang dapat dipastikan. Dari itu anggota-anggota sesebuah

¹P.E. De Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan, Socio-Political Structure In Indonesia (t.tp. : The Hargue Martinus Nijhoff, 1952), hlm. 22.

²Ibid., hlm. 30.

³Abdullah Taib, Asas-asas Antropologi (K. Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985), hlm. 144.

jurai membentuk lingkungan sanak saudara yang paling dekat sekali.¹

Sebenarnya unit masyarakat yang paling kecil ialah keluarga. Dari keluarga akan wujud beberapa carak.² Dan hubungan satu carak dengan satu carak yang lain akan membentuk gabungan kekeluargaan dan kekerabatan yang lebih luas dan menyeluruh yang dinamakan perut (seperti yang telah dijelaskan).

Dari segi kesepaduan dan alliance menerusi jurai masih lagi teguh dalam masyarakat Adat Perpatih.³

Kesimpulannya, jurai tidak lain dari memperlihatkan hubungan keturunan malah hubungan darah dari setingkat ke setingkat dengan ditunjangkan kepada pengakuan bahawa mereka berasal dari satu nenek moyang yang sama.

Kategori-kategori Keluarga

1. Keluarga Sedarah Senisab

Termasuk dalam kategori ini ialah anggota perut dan suku. Untuk menerangkan hubungan antara anggota-anggota keluarga, maka dalam Adat Perpatih telah menggunakan istilah-istilah tertentu untuk

¹ Abdullah Taib, Asas-asas Antropologi, hlm. 144.

² A. Kadir Yusof, "Mengenai Adat Perpatih : Struktur dan Organisasinya", hlm. 38.

³ Dahlan, Sistem Ide Dalam Masyarakat Adat", hlm. 13.

menunjukkan pangkat atau kedudukan di dalam sesebuah keluarga.¹ Misalnya seorang anak memanggil emaknya mak atau ibu, emak kepada emak dipanggil Uwan atau Uwe dan emak Uwan atau Uwe dipanggil nenek. Selepas daripada itu tidak ada panggilan tertentu, biasanya dipanggil onyang atau moyang sahaja.

Panggilan untuk emak saudara dari sebelah ibu pula ialah emak sanak ibu atau indok sanak ibu, bagi emak kepada emak saudara dipanggil wan sanak ibu dan emak kepada wan sanak ibu dipanggil nenek sanak ibu.

Manakala panggilan antara adik beradik, anak pertama iaitu anak sulung dipanggil Ulong (Along) atau Long, anak kedua - Angah, ketiga - Alang, keempat - Andak, kelima - Uteh (Ateh), keenam - Itam, ketujuh - Acik dan biasanya yang bongsu dipanggil Acu sahaja. Jika mereka menduduk pangkat bapa atau emak saudara, hanya ditambah Pak atau Mak seperti Pak Long atau Mak Long, Pak Ngah atau Mak Ngah begitulah seterusnya.

Perasaan persaudaraan dan kekitaan di kalangan anggota perut amat kuat.² Emak saudara ibu dirasakan seperti emak sendiri. Apabila emaknya meninggal dunia merekalah ganti emak mereka. Oleh itu masalah penganiayaan di bawah jagaan ibu tiri kurang dalam masyarakat Adat Perpatih. Kepada bapa saudara sebelah ibu pula

¹R.O. Winstedt, "Family Relationship In Negri Sembilan", Journal Of The F.M.S. Museums, vol. ix, Part II (January, 1920), hlm. 111-112.

²Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih, hlm. 31.

mempunyai ikatan yang istimewa - "bapa adat". Sekiranya bapanya meninggal dunia, yang menolong menjaga anak-anak tersebut ialah bapa-bapa saudara ini - "anak sendiri dibela, anak saudara dijaga". Manakala hubungan dengan sepupu sebelah emak pula, setiap anggota Adat Perpatih memandang mereka seperti adik beradik. Jesteru itu mereka ditegah berkahwin. Keakraban hubungan ini dirakamkan dalam kata perbilangan :

Hidup sandar menyandar
Laksana aur dengan tebing
Bak telur sesangkar
Pecah sebiji pecah semua
Hidup bak sirih serumpun
Sebagai nyior setali.

ii. Keluarga Kedim

Kedim mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ialah saudara.¹ Maka 'berkedim' ialah satu proses menjadikan seseorang itu saudara dalam satu-satu keluarga suku.² Berkedim juga boleh dilakukan terhadap orang-orang yang di luar adat sama ada Melayu, Cina atau India dan kebanyakan orang yang dijadikan kedim ialah orang perempuan. Ada kedim biasa dan ada kedim dekat; "kedim benar". Kedim dekat ialah kedim yang boleh memberi kata putus dalam semua hal. Ia merupakan anggota yang paling berkuasa dalam perut - "menghentak melembang tanah, mendongak menongkat langit".³ Krisis keluarga diselesaikan oleh kedim dekat ini.

¹Teliku Iskandar, Kamus Dewan, hlm.

²Ariff bin Kassim, "Berkedim : Satu Proses Bersaudara Dalam Adat Perpatih", Mastika (Februari, 1979), hlm. 80.

³Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih, hlm. 41.

Ada beberapa jenis berkedim, di antaranya ialah :

a. Kediam "bertua" iaitu seseorang yang hanya ingin melampirkan diri sebagai saudara tidak lebih dari itu.

b. Kediam "berdekat" iaitu ia lebih merupakan konsep keluarga atau seseorang yang rapat hubungan. Kedim ini ditujukan kepada jiran-jiran.

Bagi sesebuah masyarakat seperti masyarakat Adat Perpatih, jiran adalah amat penting kerana mereka adalah orang yang pertama memberi bantuan sekiranya ditimpa kesusahan, begitu juga dalam kenduri kendara tidak ubah seperti keluarga sendiri.

c. Kedim Adat dan Pusaka. Inilah yang dinamakan masuk suku iaitu menjadikan ia saudara dalam satu-satu suku serta boleh mewarisi tanah pusaka adat.

Oleh kerana kedim jenis ini melibatkan tanah pusaka adat; maka surat pengakuan pengkedian resmi berdasarkan undang-undang negeri mestilah diadakan. Surat itu juga mestilah mempunyai cop Lembaga atau Penghulu atau Luak yang berkenaan. Ia juga mesti diresmikan dalam satu upacara yang dipanggil 'mencecah darah'.¹ Upacara ini melibatkan penyembelihan kambing atau kerbau atau paling kurang memotong ayam. Tujuan 'kenduri' ini untuk memperkenalkan anggota baru kepada semua anggota

¹Ariff bin Kassim, "Berkedim : Satu Proses Bersaudara Dalam Adat Perpatih", hlm. 81 - 82.

keluarga mereka seperti kata perbilangan: ¹

Ke langit sama dibentangkan
Ke bumi diselerakkan.

Mereka juga bersumpah tanda taat bersaudara :

Kalau darah nak sama merahnya ²
Kalau tulang nak sama putihnya.

Walau bagaimana kini upacara 'berkedim' dalam masyarakat Adat Perpatih semakin ditinggalkan. Upacara ini telah diringkaskan dengan memadai mengadakan majlis berkampung sahaja.

iii. Keluarga Sedarah Sebelah Bapa ³

Keluarga sedarah sebelah bapa bukanlah saudara seperut dan sesuku. Dalam sistem kekeluargaan Adat Perpatih anggota-anggota keluarga atau saudara mara sebelah bapa kurang diberi penekanan serta tidak dijelaskan peranan mereka. Ini adalah kerana sistem Adat Perpatih lebih mengutamakan keturunan sebelah ibu.

Walau bagaimanapun, ayah atau bapa dan adik beradik lelaki sebelah bapa, peranan mereka amat penting khasnya apabila seorang perempuan hendak berkahwin iaitu menjadi 'wali' dan kebenarannya amat perlu sebelum sesuatu perkahwinan yang sah (hukum Islam).

¹Ariff bin Kassim, "Berkedim : Satu Proses Bersaudara Dalam Adat Perpatih", hlm. 83.

²Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih, hlm. 42.

³Ibid., hlm. 44-45.

Gelaran-gelaran yang digunakan untuk memanggil mereka adalah sama dengan panggilan yang digunakan dalam keluarga nasab sebelah ibu. Keluarga sedarah sebelah bapa termasuk adik beradik sebapa berlainan ibu. Mereka dikenali sebagai abang tiri, adik tiri, kakak tiri dan panggilan sama seperti adik beradik biasa. Saudara sepupu sebelah ayah dibenarkan untuk dikahwini, di samping tidak melanggar peraturan suku, ia boleh menolong merapatkan lagi hubungan adik beradik dan mengekalkan penjagaan tanah pusakakepada darah daging sendiri.

iv. Keluarga Semenda

Keluarga semenda terdiri dari orang semenda dan orang tempat semenda. Perkataan semenda dan menyemenda ini bermakna nikah kahwin. Orang lelaki yang datang berkahwin ke tempat perempuan dinamakan orang semenda dan orang lelaki dari pihak perempuan dinamakan orang tempat semenda.¹ Contohnya orang Kuala Pilah datang menyemenda ke Rembau, seperti kata perbilangan adat :²

Orang semenda seresam
Orang tempat semenda seadat.

Perbilangan ini bermakna orang yang mendatang iaitu orang semenda dinamakan "seresam" dan adat orang tempat semenda dinamakan "seadat". Oleh itu panggilan untuk kedua-dua belah pihak ini

¹Hussein bin Kassim, Adat Perpatih, Transkripsi Sejarah Lisan Koleksi Adat Perpatih (5 Oktober, 1989), hlm. 12.

²Mohamed Din bin Ali, Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu (K. Lumpur : The Economy Printer Ltd, 1956), hlm. 39.

diringkaskan dengan nama "orang yang seresam" dan "orang yang seadat".

Si laki-laki akan mengenal ibubapa isterinya sebagai ibubapa mertua, manakala ibubapa akan mengenali si laki-laki tersebut sebagai anak menantunya. Hubungan dengan adik beradik si isteri dinamakan ipar dan dengan sepupu atau saudara maranya disebut ipar duai (ipar lamai). Orang semenda akan memanggil ipar dan ipar duainya mengikut gelaran yang dipanggil oleh isterinya. Dua orang lelaki yang berkahwin dengan dua orang adik beradik, maka hubungan dua orang lelaki itu adalah biras di antara satu sama lain. Manakala hubungan ibu bapa dengan ibu bapa menantu disebut besan pula. Apabila anak si suami dengan bekas isterinya berkahwin dengan anak isteri dengan bekas suami, hubungan antara keduanya dipanggil besan sebantal. Seorang anak dilarang berkahwin dengan adik beradik kedua ibu bapanya (sama seperti hukum Islam).¹

Orang semenda tidak boleh melakukan sesuatu perkara di tempat semenda seperti berlaku sumbang dengan ipar duai dan orang kampung tersebut sebagaimana yang dijelaskan dalam kata perbilangan ini :²

Adapun pantang larang tempat semenda
 Diberi satu diambil dua
 Pelesit dua sekampung
 Sebatang enau dua sigai
 Satu kepal dua nakhoda.

¹Winstedt, "Family Relationship In Negri Sembilan", hlm. 113 - 114.

²Ibrahim Atin, Perbilangan Adat (t.t.p. : Sinaran Bros, 1959), hlm. 45.

'Pelesit dua sekampung' menerangkan orang semenda berlaku sumbang dengan perempuan-perempuan yang sesuku dengan isterinya. 'Sebatang enau dau sigai' dan 'satu kapal dua nakhoda' bermaksud bahawa orang semenda menduakan isterinya atau membenarkan isterinya 'berbuat jahat' di kampung itu.

Kedudukan orang semenda di tempat semenda sama ada dalam masyarakat Adat Perpatih ataupun masyarakat luar adat, bagaikan "mentimun dengan durian, mengolek pun luka, kena golek pun luka". Dia mestilah patut dan menuruti apa kehendak masyarakat yang didatangi, seperti perbilangan adat :¹

Masuk ke kandang kerbau menguak
Masuk ke kandang kambing membebek
Bagaimana adat di tempat semenda dipakai
Bumi dipijak langit dijunjung
Bagaimana adat negeri itulah dipakai

Di samping menunaikan kewajipan terhadap isteri dan anak-anak, orang semenda dikehendaki menjaga dan mengerjakan tanah pusaka isterinya dengan baik, menokok menambah, tidak menjahamkan dan menghabiskan. Tugas ini dinyatakan oleh perbilangan adat: ²

Membela kampung nan sesudut
Menjadikan sawah nan selopak
Menugai benih dan huma.

Kehadiran orang semenda tidak disia-siakan dalam masyarakat adat. Setiap daripada mereka ada kebolehan dan harga diri,

¹ Mohd. Yusof bin Md. Nor, "Perlambangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih : Satu Pandangan Umum ", Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih & Wilayah Budaya N. Sembilan (Anjuran : UPM, 1984), hlm. 9.

² Husein bin Kassim, Adat Perpatih, hlm. 12.

sekalipun ia cacat sumbangannya tetapi diperlukan berdasarkan kepada kemampuannya :

Orang semenda tempat semenda
 Jika cerdik teman berunding
 Jika bodoh di suruh arah
 Tinggi banir tempat berlindung
 Rimbun daun tempat berteduh.

Perkahwinan Dan Perceraian

Di sisi Adat Perpatih, perkahwinan yang unggul adalah di antara lain suku dan lain waris. Namun demikian perkahwinan antara pasangan sesuku cuma tidak digalakkan oleh adat tetapi ia tidaklah diharamkan secara mutlak kerana syarak membenarkan.

Mengikut adat yang biasa dilakukan oleh orang-orang tua dalam hal untuk mendirikan rumah tangga ini, emak pihak laki-laki atau ahli keluarganya akan pergi merisik dan bertanya pada ibubapa si gadis sama ada dia bersetuju untuk menjodohkan antara kedua anak mereka seperti kata perbilangan :

Untung si laki-laki ditanya-tanyakan
 Untung si perempuan di nanti-nantikan.

Ketika merisik, pihak lelaki akan membawa bersama cincin tanya kepada keluarga si gadis, jika tidak setuju cincin tersebut akan dipulangkan :²

Cincin sebetuk cincin tanya
 Esa sekata berlaluan
 Tak esa sekata berkembalilah.

¹ Ibrahim bin Atin, Perbilangan Adat, hlm. 33.

² Ibid., hlm. 28.

Sekiranya risikkan itu berjaya dan cincin tanya diterima, maka kegembiraan mereka tersirat dalam kata perbilangan ini :¹

Ibarat merisik nan berdesus
Ibarat kilat nana memancar
Ibarat duai nan merangkak
Ibarah gamit nan berkecapi
Ibarah kata nan berjawapan.

Perbilangan ini selalunya dipakai dalam istiadat meminang.

Tempoh bagi jawapan terhadap perminangan tersebut dijelaskan pula dalam kata perbilangan :²

Cincin diikat
Janji dibuat

Adat janji tujuh hari
Jauh janji dua kali tujuh hari
Kedim janji dua hari
Menjelang tiga.

Perbilangan di atas menjelaskan bahawa jawapan kepada pemenangan yang telah termetri itu diputuskan oleh pihak lelaki, maka cincin pertunangan itu tidak boleh dikembalikan tetapi jika pihak perempuan yang memutuskannya, cincin itu wajib dikembalikan malah digandakan pula. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku sebarang 'cacat cela' dan hilang akal seperti gila - 'sawan akal', maka ia adalah di luar syarat perjanjian :

Helah lelaki loncor
Helah perempuan ganda
Sakit lelaki lari kepada perempuan
Sakit perempuan lari kepada lelaki

¹ Mohamed Din bin Ali, Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu (K. Lumpur : The Economy Printer Ltd., 1956), hlm. 21.

² Ibrahim bin Atin, Perbilangan Adat, hlm. 30.

Cacat cela dikembalikan
Sawan gila luar janji.¹

Apabila sudah ada persetujuan antara kedua belah pihak, mereka akan berbincang pula berhubung dengan tarikh perkahwinan. Dalam masyarakat Adat Perpatih, hari dan tarikh perkahwinan itu dipilih dengan teliti. Kebiasaannya ia diadakan pada musim cuti sekolah - hari Sabtu atau Ahad atau hari cuti am. Tujuannya supaya saudara mara yang jauh dan dekat dapat bersama.

Buapak dan kaum kerabat terdekat dijemput sendiri oleh kedua ibu bapa bakal pengantin dengan membawa 'bujam'. Bujam ialah tepak sirih dan kebiasaannya ia dibungkus dengan kain. Bujam ini, adalah tanda budi bahasa dan sebagai satu penghormatan serta kesungguhan keluarga pengantin mengharapkan kehadiran mereka untuk menyerikan lagi majlis perkahwinan itu nanti :

Makan siri berpinang tidak
Pinang datang dari Melaka
Makan sirih mengenyang² tidak
Itu tanda budi bahasa.

Buapak pula akan berbincang dengan kedua ibu bapa 'pengantin' untuk menetapkan hari 'berkampung'. Hari berkampung ialah 'anak-anak buah', saudara mara dan jiran tetangga berkumpul untuk bekerjasama dan bergotong royong menyiapkan 'tempat

¹ Hussein bin Kassim, Adat Perpatih, hlm. 8.

² Tan Sri A. Samad Idris, Adat Perpatih, siri ke 7, Rencana Akhbar 1988-89 dikumpulkan oleh Salimah Ali, Koleksi Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.

penanggah',¹ 'pepaleh',² dan lain-lain keperluan asas untuk kenduri tersebut. Di sini buapak memainkan peranan yang amat penting agar majlis tersebut dapat berjalan lancar. Perbilangan adat berkata :³

Jikalau kuat dibubuhkan di pangkal kayu
 Jikalau bingung disuruh arah
 Menjemput yang jauh
 Mengepungkan yang dekat
 Jika cerdik hendakkan rundingannya
 Jikalau kaya hendakkan emasnya
 Jika patah penghalau ayam
 Jika buta penghembus lesung
 Jika pekak pembakar bedil.

Bermula dari hari berkampung hinggalah kenduri kahwin itu berlangsung, saudara mara dan jiran tetangga akan terus datang 'menjenguk' sambil menjinjing dua tiga biji kelapa, beras, gula dan seumpamanya. Adalah satu keaiban jika datang bertangan kosong. Jiran-jiran terdekat akan memberi pinjam pinggan mangkuk dan periuk belanga. Seminggu sebelum majlis berlangsung mereka akan bekerjasama membuat penganan (dodol) atau wajik untuk dibawa dalam 'istiadat menyembah' yang dipanggil 'boko'

Secara umumnya dalam masyarakat Melayu majlis perkahwinan pada mulanya diadakan di rumah pengantin perempuan. Setelah majlis selesai, keesokannya kedua mempelai itu bersama rombongannya akan bertolak dari rumah pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki.

¹Tempat penanggah ialah tempat untuk memasak nasi dan lauk pauk.

²Pepaleh ialah khemah untuk tetamu.

³Ibi, "Adat Dalam Masyarakat Melayu", Mastika, (March, 1962), hlm. 47.

Inilah yang dinamakan *istiadat menyembah*.¹ Rombongan itu akan membawa bersama 'boko' sebagai buah tangan pengantin atau pemberian orang baru - tanda budi bahasa.

Selepas selesai majlis persandingan, diadakan pula majlis berkenalan dengan saudara mara dan jiran tetangga dekat dan jauh. Misalnya - "Aaa, mari sini nak, berkenalan kita; Besok jangan dah terlanggar batang hidung masih tak kenal saudara sendiri. Aaa, yang ini Mak Long memanggilnya, yang dekat pintu tu ... Mak Ngah ..." dan begitulah seterusnya. Tujuannya untuk mengenalkan mempelai dengan emak, bapak, datuk, nenek, saudara mara, mertua mentaya, ipar duai dan saudara mara dekat kampung.

Kedua mempelai juga disuruh pergi 'menyembah' saudara mara terdekat untuk memperkenalkan suami atau isterinya dengan cara lebih dekat dan mesra dengan membawa 'boko'. Nanti 'boko' ini akan diisi oleh saudara mara tersebut, zaman dahulu satu boko 50 sen tetapi di zaman ini tuan rumah akan memberi mengikut patut sesuai dengan perbelanjaan membuatnya. Wang itu nanti digunakan untuk kedua mempelai itu pergi 'berbulan madu'.

Sebagaimana perkahwinan mengikut adat dibuat secara berperaturan dan tertib, maka demikian juga dengan perceraian. Ia dilakukan dengan penuh sopan - melambangkan kesopanan adat.

Apabila berlaku keretakan dalam rumahtangga yang tidak dapat diselesaikan oleh suami atau isteri, ia harus diberitahu kepada

¹Jamaluddin bin Abdullah, "Adat Menyembah", Mastika (Julai, 1958), hlm. 34-37.

keluarga kedua belah pihak. Keluarga suku isteri - tempat semenda dan buapak harus dipanggil bagi berunding dan cuba menyelesaikan masalah ini¹ - 'tidak ada kusut yang tidak boleh diselesaikan dan tidak ada keruh yang tidak boleh dijernihkan'. Keputusan menjatuhkan talak adalah langkah terakhir iaitu apabila perdamaian antara suami isteri sudah tidak tercapai lagi.

Sisuiami di mana kehadirannya dulu dijemput dengan bertepak sirih, maka ia tidak boleh 'turun' dari rumah isterinya dengan sewenang-wenangnya :

Hutang dibayar
Hutang diterima.²

Sekiranya si suami belum menjelaskan mas kahwinnya, dan hutang-hutang lain (jika ada) pada isterinya, ia perlu dijelaskan terlebih dahulu. Kemudian barulah dia boleh menjatuhkan talak pada isterinya, secara tertib di hadapan tempat semendanya, tetapi tertib ini sudah kurang di amalkan dalam masyarakat adat sekarang, kononnya ia bukan diwajibkan oleh agama.

Berhubung dengan pembahagian harta selepas perceraian sama ada cerai hidup atau mati, ia berdasarkan kepada kata perbilangan adat :³

¹Haji Abbas bin Haji Ali, "Sebahagian Dari Dasar Adat (Tinjauan Secara Umum)", Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih (Anjuran : Majlis Belia, N. Sembilan, 1974), hlm. 9.

²Ibrahim bin Atin, Perbilangan Adat, hlm. 40.

³Ibid., hlm. 39.

Bersuarang¹ berageh,
 Berkutu² belah,
 Garian bahagi,
 Dapatan tinggal,
 Pembawaan kembali.

Perbilangan ini adalah undang-undang pembahagian harta dalam Adat Perpatih. Harta dalam Adat Perpatih terbahagi kepada tiga kategori :

- a. Harta Carian iaitu harta yang diperoleh selama perkahwinan dengan usaha bersama suami isteri seperti ladang getah, wang simpanan dan seumpamanya.
- b. Harta dapatan ialah harta yang dimiliki oleh isteri semasa berkahwin.
- c. Harta pembawa ialah harta yang dibawa oleh suami pada masa berkahwin. Suami juga telah menerangkan apa-apa yang dibawanya dari 'carian bujang' kepada tempat semenda.

Dari keterangan di atas, maka harta yang perlu dibahagi hanyalah harta carian, harta dapatan akan terus menjadi alat milik isteri dan harta pembawa tetap menjadi milik suami.

Mengikut pendapat Dato' Haji Mustafa bin Haji Ahmad³, kata perbilangan adat yang telah disebutkan di atas tadi, ia ditujukan

¹Bersuarang ertinya milik bersama.

²Berkutu ertinya pembawaan.

³Haji Mustafa bin Haji Ahmad, "Adat Perpatih Dan Syarak Di Negeri Sembilan", Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih (Anjuran : PERMANIS, UKM, 1988), Hlm. 9.

kepada membahagikan harta suami atau isteri apabila berlaku perceraian hidup, dan tidak boleh ditujukan kepada bercerai mati kerana ia berlawanan dengan syarak dan adat itu sendiri (harta seorang Islam wajib dibahagi mengikut hukum agama sebagaimana yang dinyatakan dalam perbilangannya :

Adat bersendi hukum,
Hukum bersendi kitabullah (syarak),
Syarak mengata adat menurut.

1.3.3. Sistem Ekonomi

Institusi ekonomi merupakan asas penting bagi menjamin ketamadunan sesuatu bangsa. Bagi masyarakat adat perpatih penglibatan mereka dalam aktiviti ekonomi bertujuan untuk mendapatkan dan mengumpulkan harta sebanyak mungkin. Dasar ekonomi yang teguh, masyarakat akan makmur dan kebudayaan akan berkembang :

Bersih kerana di tepi air,
Bersosial kerana perut kenyang.¹

Pemilikan harta oleh individu juga ada hubungan dengan maruah dan harga diri :

Hilang rupa disebabkan penyakit,
Hilang bangsa kerana tidak mempunyai emas,
Emas penutup malu,²
Kain pencegah miang.

Tanah pusaka merupakan harta asas bagi masyarakat Adat Perpatih dan merupakan sumber ekonomi yang utama iaitu sumber

¹M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, Djakarta: Bulan Bintang, 1971), hlm. 191.

²Ibid.

ekonomi secukup hidup sahaja. Dari asas inilah seseorang itu digalakkan berusaha untuk mendapatkan tanah carian sendiri. Kepada orang semenda dijelaskan :

"Sekarang diberilah dikau memerintah bendul yang empat. Maka dikau belalah sawah ladang kampung halaman. Mana yang ada, bela pelihara. Mana yang ada bela pelihara. Mana yang tidak ada, kau cari belikan, sudah ada kau tambah".

Maka tidak hairanlah kalau orang semenda yang diingini orang semenda yang 'pandai buat pagar' dan 'parang sentiasa terselit di pinggang'.

Pada masa dahulu, masyarakat Adat Perpatih adalah masyarakat tani. Justeru itu definasi anggota Adat Perpatih tulin ialah seorang yang ada tanah untuk tapak rumah, tanah untuk kuburnya bila mati dan tanah untuk bersawah.¹ Tanah boleh didapati dengan cara warisan - tanah pusaka atau dengan usaha sendiri - harta carian.

Setelah dikaji secara terperinci, maka didapati setiap keluarga dalam Adat Perpatih memiliki tanah sawah sendiri. Tanggung jawab menanam padi merupakan tanggung jawab suami isteri dengan pertolongan anak-anak lelaki atau perempuan yang sudah besar. Berhubung dengan penanaman padi ini terdapat tiga institusi ekonomi iaitu :

- a. tolong menolong
- b. menyeraya
- c. pedua (bahagi dua).

¹Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih, hlm. 84.

a. Tolong Menolong

Tolong menolong merupakan perkhidmatan percuma kepada seorang jiran yang memerlukannya. Umpamanya suami hilang bantuan isteri untuk menyudahkan sawahnya kerana isteri sakit. Maka di atas semangat kejiranan yang ikhlas, jiran-jiran bersetuju sesama mereka untuk menolong. Biasanya kerja itu disiapkan dalam satu hari.

Satu lagi aspek tolong menolong ialah berkongsi membuat kerja umum. Beberapa orang bersetuju mengerjakan tanah masing-masing. Tanah mereka dikerjakan mengikut giliran - "sehari awak, sehari kita".

b. Menyeraya

Institusi menyeraya hampir sama dengan institusi tolong menolong. Cuma yang berbeza orang yang menyeraya iaitu tuan punya sawah mestilah menyediakan makanan seolah-olah 'berkenduri'. Orang-orang yang hendak diseraya dijemput sendiri oleh petani berkenaan tetapi tidak ada upah. Tetapi untuk menuai orang tidak tolong menolong atau menyeraya. Mereka mengambil upah, upahnya dengan padi juga.

c. Pedua atau bahagi dua

Pedua ialah membenarkan orang lain mengerjakan sawah itu. Ia berlaku apabila petani itu sudah tua atau sakit menyebabkan mereka tidak dapat turun ke sawah. Dalam sistem pedua ini hasil dibahagi dua dengan dua cara iaitu bahagi dua kawasan atau bahagi hasil.

Bahagi dua kawasan ialah seluruh kawasan dibahagi dua iaitu sebahagian untuk tuan tanah dan sebahagian untuk orang yang mengerjakannya. Bahagi hasil pula ialah hasil itu dibahagi dua tetapi kebiasaannya orang yang mengerjakannya mendapat lebih.

Selain daripada bersawah padi, masyarakat Adat Perpatih menoreh getah sebagai sumber wang tunai. Bagi mereka yang memiliki kebun getah mereka mengerjakannya sendiri. Bagi yang tidak ada, mereka mengambil upah memotong getah orang lain melalui sistem pedua ini.

Seterusnya, mereka juga menanam pokok buah-buahan dan tanaman-tanaman lain untuk rencah-rencah keperluan harian seperti pisang, ubi kayu, kelapa, serai, kunyit, lada api dan sebagainya. Pendek kata, tiada tanah yang terbiar seperti kata perbilangan :¹

Sebingkah tanah yang terbalik,
Sehelai akar yang putus,
Sebatang kayu yang rebah.

'Sebingkah tanah' menerangkan mereka berusaha untuk bercucuk tanam. 'Sehelai akar' dan 'sebatang kayu' menerangkan mereka menebas dan menebang kayu-kayu hutan untuk dijadikan kampung halaman atau ladang.

Di samping itu juga, kebanyakan anggota Adat Perpatih ada memelihara binatang ternakan selalunya kerbau, lembu, kambing, ayam dan itik. Kerbau dan lembu disifatkan sebagai 'penanam modal' atau 'wang beku'. Ia boleh dijual jika hendak ke Mekah atau disembelih

¹ Ibrahim bin Atin, Perbilangan Adat, hlm. 50.

di hari perkahwinan anak ataupun untuk 'dibantai' pada Hari Raya. Bagi mereka yang 'tak rasi' membela kerbau, lembu atau kambing, mereka boleh 'memperduakannya' di mana kini ia lebih dikenali dengan 'sistem pawah'.

Suatu perkara yang menarik pada masyarakat ini ialah terdapatnya konsep 'merantau'. Merantau ialah meninggalkan halaman dengan kemahuan diri sendiri untuk jangka waktu yang lama atau tidak dengan tujuan mencari penghidupan atau mencari ilmu, biasanya dengan maksud kembali semua ke kampung halaman.¹

Faktor ekonomi dianggap sebagai faktor 'built-in' dalam perantauan orang Minangkabau. Institusi merantau ini biasanya hanya melibatkan orang muda dengan tujuan untuk mencari rezeki sehingga ia boleh berdiri sendiri dan menanggung keluarganya sekiranya dia berkahwin nanti. Ini ternyata dalam perbilangan adat :

Merantau madang di hulu,
Berbunga berbuah belum,
Merantau bujang dahulu,
Di kampung berguna belum.

Walaupun pergi merantau, tetapi mereka mesti pulang. Kekayaan yang mereka dapati sewaktu di perantauan tidak boleh dihabiskan di situ tetapi harus di bawa pulang ke kampung. Tambahan masyarakat adat Perpatih menganggapkan sumber ekonomi bagi ibu bapa iaitu melalui 'wang kiriman' yang dihantar oleh anaknya yang sudah mendapat pekerjaan :

¹ Mokhtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau
hlm. 2 - 3.

Sekenyang-kenyang banting,
Rumput di mamah jua,
Sejauh-jauh melanting,
Jatuh ke tanah jua.

:1 Menurut Prof. Mr. M. Nasroen pula, beliau telah berpendapat

".... Pengertian ekonomi itulah orang Minangkabau banyak pergi merantau ke daerah lain. Kenyataan ini bukanlah disebabkan negerinya miskin dan hidup di negerinya susah tetapi adalah untuk memelihara, menambah harta. Kekayaan yang diperolehi di rantau itu tidaklah digunakan di negeri asing, tetapi di bawa pulang".

Kesimpulannya, kesemuanya membuktikan bahawa Adat Perpatih menitik beratkan soal ekonomi sebagai satu jaminan hidup. Taraf kedudukan dan maruah diri terletak pada jumlah harta yang dimiliki. Selain untuk kegunaan sendiri, ia disalurkan kepada keluarga yang lain bagi memenuhi beberapa kewajipan yang utama seperti kematian, perkahwinan, upacara perlantikan ketua dan sebagainya. Kedudukan individu, kaum keluarga dan suku akan terjejas sekiranya mereka tidak mampu menguruskan salah satu dari perkara di atas.

1.3.4. Sistem Politik

Apabila kita hendak mengkaji sistem politik Adat Perpatih, ia perlu dianalisa dari peringkat permulaan - tingkat yang paling bawah iaitu orang ramai yang dikenali dengan panggilan anak buah. Susunan kekuasaan dan politik seseorang ditentukan mengikut perbilangan :

¹Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, hlm. 192.

Di atas raja
 Di tengah undang
 Di bawah lembaga
 Raja berdaulat dalam alam
 Penghulu berdaulat dalam luaknya
 Lembaga bernobat dalam lingkungannya¹
 Buapak bernobat dalam anak buahnya.

Di dalam pentadbiran Adat Perpatih setiap puak mempunyai pimpinan masing-masing :

- a. Raja berdaulat di dalam alam bermaksud 'alam' ialah negeri. 'Raja' yang memerintah Negeri Sembilan di gelar Yang DiPertuan Besar.
- b. Penghulu menobat di dalam luak bermaksud 'luak' atau daerah dipimpin oleh 'penghulu' yang digelar undang.
- c. Lembaga menobat di dalam lingkungan bermaksud 'lingkungan' ialah suku. Suku dipimpin oleh Lembaga.
- d. Buapak menobat pada anak buah bermaksud 'anak buah' ialah perut. Pemimpin di dalam perut di gelar buapak.

Di bawah ini penulis akan menjelaskan peranan-peranan pemimpin yang telah dinyatakan di atas :

a. Yang DiPertuan Besar

Teraju politik yang tertinggi sekali ialah Yang DiPertuan Besar biasanya lebih dikenali sebagai Yamtuan. Baginda berperanan untuk memelihara perpaduan di Negeri Sembilan serta menjadi lambang

¹Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih, hlm. 55.

keadilan,¹ maka ia ditetapkan bahawa :

"..... Raja itu tiada mempunyai negeri dan tiada boleh mencukai kharajat, melainkan berkeadilan sahaja serta permakanannya duit sesuku, beras dua gantang, nyiur setali".

Yang Dipertuan Besar bersemayam di Sri Menanti. Sri Menanti berbeza dari luak-luak lain, tidak mempunyai batasan kawasan yang pasti. Sri Menanti hanya dapat dikenal dengan adanya apa yang dikatakan Adat Lingkungan². Ia dikelilingi oleh luak Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir. Kemudian luak-luak ini pula dikelilingi oleh empat luak yang utama iaitu luak Sungai Ujong, Jelebu, Johor dan Rembau. Di antara empat luak ini, yang paling kanan sekali ialah luak Sungai Ujong di mana undang luak Sungai Ujong merupakan ketua dan jurubicara bagi undang yang tiga lagi. Beliaulah yang merasmikan perlantikan Yang DiPertuan Besar.

b. Undang

Istilah 'Undang' adalah khusus bagi ketua-ketua luak Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau. Cara pemilihannya adalah sebulat suara dari semua orang di dalam suku Biduanda. Undang-undang di Negeri Sembilan ialah :

a. Undang Sungai Ujong

Beliau bukan dipilih oleh ketua-ketua suku tetapi oleh dua wakil dari dua perut sukunya dari seorang pegawai adat. Perut suku

¹Dr. Khoo Kay Kim, "Sistem Politik Negeri Sembilan", Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, hlm. 2.

²Hooker, Adat Laws In Modern Malaya, hlm. 114.

itu ialah Perut Waris Hilir dan Perut Waris Hulu.

b. Undang Jelebu

Undangnyanya bergelar Datuk Mendika Menteri Akhirulzaman. Beliau dipilih dari tiga perut suku Biduanda mengikut giliran iaitu Waris Ulu Jelebu, Waris Kemin dan Waris Sarin. Beliau dicalunkan oleh perutnya dan disahkan oleh Orang-orang Delapan iaitu jemaah yang ada kuasa untuk menerima dan menolak sesuatu keputusan.

c. Undang Johol

Undangnyanya bergelar Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan. Jawatan ini dipegang oleh dua perut suku Biduanda bergilir-gilir iaitu perut Johol dan perut Gemencheh.

d. Undang Rembau

Beliau dipilih dari dua perut suku Biduanda di Baruh. Perut-perut ini ialah Biduanda Jakun dan Biduanda Jawa. Undang dari perut Biduanda Jakun bergelar Datuk Lela Maharaja. Undang dari perut Biduanda Jawa bergelar Datuk Sedia Raja.

Undang merupakan kuasa tertinggi bagi sesuatu luak di mana segala tindakan beliau tidak tertakluk kepada Yang Dipertuan Besar. Beliau mengendalikan hal ehwal luaknya dengan bantuan jemaah ketua-ketua Adat. Justeru itu beliau tidak boleh memecat lembaga tanpa kebenaran jemaah, tidak boleh mengubah atau mengesahkan keputusan Lembaga tanpa merujuk kepada jemaah, begitu juga dalam mengesahkan

sebarang perjanjian perlukan tanda tangan jemaah.¹ Selain daripada daripada ketua-ketua adat, pendapat dari suku Undang itu sendiri juga perlu diambil kira.

Disamping menjadi ketua luak, undang juga berperanan sebagai hakim. Beberapa kesalahan yang mesti dihakimkannya ialah menderhaka, menentang kuasa Ketua Adat, salahguna kuasa oleh Ketua Adat, bakar, tikam, racun dan kelakuan sumbang jantina :

Derhaka, celaka,
Dahaga, dahagi,
Rumbun, bakar,
Tikam, bunuh.

Kesalahan-kesalahan tersebut dianggap berat dan jika dibiarkan akan membinasakan masyarakat Adat Perpatih. Walau bagaimanapun undang boleh menggunakan budi bicaranya sendiri untuk meringankan hukuman, memaafkan yang bersalah dan seumpamanya. Kata perbilangan :

Sumbing boleh dititik,
Patah boleh digempal.

c. Lembaga

Lembaga adalah gelaran bagi ketua setiap suku. Syarat utama bagi memegang jawatan lembaga ialah dia mestilah memperisterikan perempuan dari luaknya. Pilihannya adalah berdasarkan kepada konsep 'kebulatan' - semua setuju.

Bidang kuasa lembaga adalah terbatas - "Pusaka lembaga bersekat" berbeza dengan kuasa Undang yang "berkelantasan". Dalam

¹Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih, hlm. 66.

bidang jenayah, Lembaga hanya boleh menyelesaikan kes-kes kecil - "membuta mata, mematah tulang, memutus urat". Dalam kes-kes yang lebih besar, Lembaga hanya berfungsi sebagai 'polis' - menyiasat, menangkap, membawa pesalah kepada undang atau Yamtuan. Beliau juga tiada kuasa untuk meringkankan hukuman ataupun memaafkan kesalahan.

Oleh kerana Lembaga adalah ketua suku, maka beliau bertanggung jawab menjaga keselamatan dan mengekalkan keharmonian hidup bersuku. Beliau juga turut hadir dalam pembahagian harta pusaka dan menandatangani akuan berkedim. Lembaga boleh melantik dan menjatuhkan undang :

Bulat Lembaga menjadi Undang,
Yang dilantik boleh dipecat.

Lembaga tidak boleh bertindak dengan sewenang-wenangnya. Beliau boleh dipecat atas kesalahan membusukkan nama suku, cuai menjalankan tugas, menyalahgunakan kuasanya atau melampaui batas kuasanya.

d. Buapak

Buapak pula adalah ketua perut. Beliau dipilih dengan persetujuan dari anggota perutnya yang dewasa. Pemilihannya mestilah disahkan oleh Lembaga.

Tugas buapak menyelesaikan perselisihan dalam perutnya. Oleh itu seorang anak buah yang terus mengadu kepada lembaga tanpa melalui buapak boleh dihukum atas kesalahan 'melangkahi' buapak.

Buapak bertanggung jawab menerima mas kahwin dalam perkahwinan anak buahnya. Harta dapatan dan harta bawaan dijelaskan

di hadapannya jika berlaku perceraian dan beliaulah yang membuat pembahagiannya. Dalam kes jenayah, Buapak hanya boleh menyelesaikan masalah yang remeh temeh sahaja iaitu :

Luka conget pecah berdarah,
Luka ditutup kain baju.

Seorang buapak boleh dipecat atas kesalahan cuai menjalankan tugas, menyalahgunakan kuasa dan berkelakuan yang memalukan perut. Pemecatannya dilakukan oleh anggota perut dan disahkan oleh lembaga.

Secara keseluruhannya konsep pimpinan politik dalam Adat Perpatih berlandaskan konsep muafakat dan budi. Sesuatu keputusan mestilah dicapai dengan muafakat dan keputusan yang diambil mesti ada tolak ansur :

Kemenakan beraja pada mamak,
Mamak beraja pada penghulu,
Penghulu beraja pada muafakat,
Muafakat beraja pada alur dan patut.¹

Budi pula seperti yang telah dijelaskan merupakan teras nilai dan falsafah Adat Perpatih. Pemimpin adalah lubuk akal, lautan budi.

Sistem demokrasiya jelas dapat dilihat melalui hiraki pemerintahan - 'berjanjang naik, bertanggung turun'. Tambahan pula setiap pemimpin tidak boleh bertindak sesuka hatinya. Jika mereka melakukan kesalahan, hukuman tidak dikecualikan :

Diturunkan dari pangkatnya,
Dijatuhkan dari kemuliaannya,

¹M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, hlm. 145.

Kok gading dipiuh,¹
Belangnya dikikis.

1.3.5. Sistem Hukum Adat

Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh penulis di awal penulisannya bahawa Adat Perpatih mengandungi peraturan-peraturan hidup. Peraturan-peraturan hidup dalam Adat Perpatih dirakamkan di dalam kata perbilangan Adat yang dikenali juga sebagai "kata pesaka".

Adat Perpatih turut mengakui bahawa Hukum Adat adalah aciptaan Datuk Perpatih Nan Sebatang² yang diwarisi turun temurun dari nenek moyang :

Berlulus berlembaga
Berturas berteladan
Nan diucap dipakai
Nan dipesan dibiasakan
Turun temurun daripada nenek moyang.

Oleh itu, masyarakat Adat Perpatih mengakui adanya 'law-giver' walaupun secara samar-samar.

Hukum Adat ialah pematuhan masyarakat mengenai peraturan, hukum, lembaga, resam dan sebagainya.³ Hukum Adat disesuaikan dengan kehendak hidup bersuku dan juga di atas prinsip budi dan

¹Erti gading dipiuh, belangnya dikikis ialah diberhentikan dari jabatannya.

²Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih, hlm. 108.

³Hashim A. Ghani, "Kata-kata Perbilangan Dan Tafsirannya", Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih (Anjuran : Majlis Belia Negeri, N. Sembilan, 1974), hlm. 2.

muafakat. Dalam Adat Perpatih yang menguatkan Hukum Adat ialah ketua Adat. Penguatkuasaan ini tidaklah seratus peratus tetapi ia dipatuhi :

Raja berkeadilan
 Penghulu seundang
 Tali pengikat daripada Lembaga
 Keris penyalang daripada Undang,
 Pedang pemancung daripada Keadilan.

Sekiranya berlaku perselisihan, penyelesaiannya dicari dengan 'mengajak berunding'. Ini disebabkan masyarakat Adat Perpatih merupakan kesatuan yang harmoni yang dilambangkan dengan istilah-istiah 'seadat', 'seresam', 'saudara mara', 'suku sakat' dan lain-lain.

Sistem hukum Adat ini dapat dibahagikan kepada beberapa kategori. Setelah dibuat penelitian, maka penulis membahagikannya kepada lima kategori yang utama :

- a. Hukum Tentang harta dan Pusaka
- b. Hukum Tentang Keluarga Asas.
- c. Hukum Tentang Orang Semenda
- d. Hukum Tentang Perkahwinan dan Perceraian.
- e. Hukum Tentang Berkedim.
- f. Hukum Jenayah.

a. Hukum Tentang Harta Pusaka

Pusaka ialah satu konsep yang didefinasikan sebagai benda sama ada tanah, rumah atau barang-barang yang berharga seperti barang kemas yang diterima daripada ibu bapa dan nenek moyang. Harta ibu bapa atau nenek moyang akan menjadi pusaka apabila

diturunkan kepada generasi di bawahnya.

Dr. Abdullah Siddik dalam bukunya 'Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia' telah membahagikan harta pusaka kepada dua jenis iaitu :¹

- i. Pusaka benar ialah harta kepunyaan suku dan terdiri dari tanah-tanah kampung, sawah, kebun buah-buahan dan rumah yang diwarisi dari ibu yang letaknya di atas tanah pusaka. Biasanya digeran tanah tersebut ada cop 'Customary Land'.

Cara perwarisan harta jenis ini, ia diberikan kepada anak perempuan sesuku secara turun menurun bermula daripada ibu kepada anak perempuan. Seterusnya kepada anak perempuan yang berikutnya. Jika siibu tiada anak perempuan, ia berpindah kepada anak saudara perempuan yang sesuku dengannya. Anak lelaki tidak berhak tetapi ia boleh mengerjakannya atau mengambil hasil tanaman ibu bapanya dahulu :

Terbit pusaka kepada saka
Si lelaki menyandang pusaka
Si perempuan yang punya pusaka
Orang semenda yang membela.

Harta pusaka benar tidak boleh dijual kecuali dengan sebab tertentu dan dengan kebenaran Lembaga atau Undang dan penjualan atau penggadaian hanya dibenarkan dalam sesuku, keutamaan diberi kepada waris terdekat. Abdul

¹Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia, hlm. 146.

Kahar bin Bador telah menulis berhubung dengan harta ini seperti berikut :

".... However, it is not the absolute ownership rights that are inherited and transmitted by the female heirs. The rights of ownership do not include the rights to lease, charge or sell the property on their own accord

..... But while the direct heirs, i.e. the uterine siblings, male and female, may effectively bar any transaction from taking place, indirect heirs have only the first option to purchase such property should it be offered for sale".

Menurut E.N. Taylor :¹

"All ancestral property belong to the tribe; it vests in the female members but they hold it as trustees for their tribe rather than as owners".

- ii. Pusaka Sendiri dikenali sebagai pusaka waris. Ia merupakan harta nenek moyang yang pada asalnya merupakan harta penamabahan dalam satu-satu suku. Harta jenis ini merupakan harta benda yang diwarisi oleh anak daripada orang tuanya seperti barang-barang kemas atau harta carian bapa. Ringkasnya, selain daripada tanah pusaka adat.

Prinsip yang diikuti oleh Adat Perpatih mengenai pewarisan harta adalah seperti berikut :

"Susur galur adat berpusat kepada perempuan, seorang lelaki adalah ahli bagi suku ibunya sehinggalah melalui perkahwinan. Ia diterima dalam suku isterinya. Tanah hanya boleh

¹E.N. Taylor, Customary Land Of Rembau, JMBRAS, vol. VII (1929), hlm. 31.

dipunyai oleh perempuan sahaja. Perempuan tidak boleh berhijrah, suami tinggal di kampung isterinya, tetapi tidak sebaliknya".¹

Prinsip ini mungkin diambil dari perbilangan adat yang mengatakan :

Terbit pesaka pada sako.
Silelaki menyandang pusako
Si perempuan yang punyo pesako
Orang Semenda yang membolo

Cara pewarisannya tidak sama dengan cara pusaka benar kerana Pusaka sendiri turut diwarisi oleh kaum lelaki. Bagi menentukan pewarisnya, pemuafakatan sering diadakan untuk mencapai kata sepakat mengenai siapa yang berhak mewarisi harta pusaka tersebut. Secara umumnya, selain daripada tanah pusaka adat, cara pembahagiannya adalah berdasarkan Sistem Faraid (hukum Islam).

b. Hukum Tentang Keluarga Asas

Bila seseorang anak itu dilahirkan dan setelah diberi nama, ibu bapa berlangsung jawab atas enam perkara kepada anak itu. Tanggung jawab ini dijelaskan dalam kata perbilangan :

Sehari ada, sehari bernama
Sehari berhutang pada ibu bapa
Hutang di atas enam syarat
Pertama kerat pusat
Kedua upah bidan
Ketiga sunat rasul
Keempat tindik daing

¹ Mohd Ridzuan Awang, Konsep Undang-undang Tanah Islam - Pedekatan dan Perbandingan (K. Lumpur : Ar. Rahmaniah, 1987), hlm. 114.

Kelima diserahkan mengaji
Keenam nikah, hutang adat dengan hukum

Setelah anak itu berumur enam tahun, dihantar mengaji Al-Qur'an. Harapan mereka dengan mengetahui Al-Qur'an khususnya bagi lelaki dapat menghindarkan sikap suka berjudi. Umumnya pula, anak-anak lelaki dan perempuan diajar tugas-tugas yang perlu sahaja. Misalnya anak lelaki diajar kerja-kerja di darat dan di laut, anak perempuan diajar menjahit bantal, menganyam tikar dan seumpamanya :

Dapat tikar sehelai bantal sebuat
Sukalah emak dengan bapanya
Bagi si lelaki diserahkan mengaji
Dapat ayat sepatah nan dua
Tangkal judi dengan sabung
Kemudian anak si laki-laki
Sampai ukur dengan jangkanya
Kalau ke laut belayar cincang dayung
Kalau ke darat belajar cincang pedang.

Walaupun anak-anak telah disuruh pergi belajar mengaji atau belajar menjahit, tapi bapa terutamanya mesti memastikan anak-anak mereka benar-benar pergi belajar tidak 'melencong ke tempat lain' atau melakukan perkara-perkara yang dilarang.

Kalau lelaki diserahkan mengaji
Kalau perempuan diserahkan menjahit
Masa itu terhutanglah orang semenda (bapa)
Petang mengadakan
Pagi melepaskan
Malam mendengarkan
Siang memandangkan
Dijaga ayam jangan dimakan musang
Kerbau jangan merompak.

Tegasnya, mendidik anak bukan diserahkan kepada guru semata-mata. Kedua ibu bapa perlu bertanggungjawab mengawasi dan mendidik anak mereka supaya hidup berbudi dan berakhlak mulia.

Oleh kerana anggota suku dan perut dianggap mempunyai ikatan yang kukuh, mereka dilarang melakukan perkara-perkara yang 'tidak sedap dipandang mata' dan 'tidak sedap didengar oleh telinga' di kalangan mereka. Di antara perkara yang dianggap 'sumbang' melakukannya ialah :

Sumbang percakapan
 Sumbang kelakuan
 Sumbang pemandangan
 Sumbang kedudukan
 Sumbang perjalanan.

'Sumbang' bermaksud melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh agama dan adat. 'Sumbang percakapan' ialah lelaki dan perempuan berbual tidak tentu arah, 'sumbang kelakuan' ialah mereka dilarang berkelakuan seperti laki bini. 'Sumbang pemandangan' bererti mereka hendaklah mengelakkan menatap wajah antara satu sama lain dengan ghairah. 'Sumbang kedudukan' ialah berdua-duaan di tempat sunyi seperti di rumah tanpa ada orang lain atau di perigi, di sungai dan sebagainya. 'Sumbang perjalanan' pula membawa maksud berjalan bersama dikhuatiri timbul fitnah.¹

c. Hukum Tentang Orang Semenda

Bila berkahwin, si lelaki berpindah tinggal di rumah isterinya. Ia menjadi orang semenda di tempat isterinya dan semua kaum lelaki yang baligh dari suku isterinya adalah orang tempat semendanya.

¹Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih, hlm. 120.

Orang semenda harus patuh pada tata tertib hidup bermasyarakat dalam suku isterinya. Pendek kata dia harus berusaha menyesuaikan dirinya dengan suasana di tempat baru :

Masuk kandang kerbau menguak
 Masuk kandang kambing membebek
 Bagaimana adat tempat semenda dipakai
 Bila bumi dipijak, langit dijunjung
 Bagaimana adat negeri itu, dipakai.

Dia juga berkuasa ke atas isi rumahnya termasuk isteri :

Salah hamba kepada tuan
 Salah murid kepada guru
 Salah anak kepada bapa
 Salah bini pada laki.

Dan ditegaskan juga bahawa "kunci bini pada laki".

Orang Semenda juga diharapkan menjaga harta isteri serta berusaha menambahkannya bukan mengurangkan - "Membela kampung nan sesudut, menjadikan sawah nan selopak". Dia juga hendaklah menumpahkan tenaganya kepada suku tempat semendanya seperti kata pepatah :

Jika alim hendaklah ia memberikan doanya
 Jika rajin memberi kerjanya
 Jika kaya membelanjakan ringgitnya bagi¹ suku isterinya
 Jika cerdik memberikan rundingnya pula.

Di dalam suku isterinya Orang Semenda diharapkan berkelakuan baik. Kelakuan yang aib sekali ialah :

Diberi satu diambil dua
 Pelesit dua sekampung
 Sebatang enau dua sigai

¹ Mohamed Din bin Ali, Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu, hlm. 38.

Satu kapal dua nakhoda.

(Maksudnya telahpun dijelaskan oleh penulis).

Orang tempat semenda, sebaliknya pula, mesti menghormati Orang Semenda. Pantang larang yang mesti dipegang oleh Orang Tempat Semenda ialah :

Dah diberi ditarik balik
 Dah diuja dipegang ekor
 Dah dipertaruh dipermalami¹
 Dah dipesan dituruti.

Perbilangan ini bermakna sebarang harta jika telah diberi kepada orang semenda suami isteri, tidak boleh ditarik balik. Orang Semenda tidak boleh melarang membawa isterinya, umpamanya pergi merantau. Orang tempat semenda harus menaruh kepercayaan kepada orang semenda. Kalau ia sudah diamanah untuk mengerjakan tanah pusaka isterinya, tidak perlu dijenguk setiap hari untuk melihat sama ada ia mengerjakannya atau tidak. Begitu juga apabila menyuruhnya - sekali cakap sudah cukup.

Sekiranya berlaku perselisihan ataupun kesalahan antara orang semenda dengan orang tempat semenda, lazimnya diselesaikan dengan mengaku salah dan meminta maaf berserta kenduri kecil. Hukum menghukum di antara keduanya berusaha dijauhi kerana perbuatan ini akan membusukkan nama suku.

d. Hukum Tentang Perkahwinan dan Perceraian

Larangan utama dalam Adat Perpatih ialah kahwin sesuku.

¹Ibid., hlm. 40.

Kahwin sesuku merupakan kesalahan 'besar' dan dinamakan 'sumbang'. Ada dua jenis 'sumbang' iaitu :¹

- i. Sumbang Sewaris ialah berkahwin sesuku tetapi lain perut. Hukum sumbang sewaris ialah dirampas haknya ke atas Tanah Pusaka. Undang boleh menjatuhkan denda 50 gantang beras, kerbau seekor dan wang \$14.00. Kemungkinan untuk perempuan itu diterima semula oleh sukunya ada. Ini berlaku apabila perempuan itu bercerai dengan suaminya sama ada cerai hidup atau cerai mati dan dia tidak akan kembali semula kepada suaminya. Kebenaran untuk diterima semula mesti dirayu kepada lembaga dan undang. Dia juga terpaksa menjelaskan denda yang telah dinyatakan tadi.
- ii. Sumbang Sekedim ialah berkahwin dalam perut sendiri, dikenali juga sebagai 'sumbang balai melintang', dianggap sebagai derhaka. Hukuman adalah dirampas segala harta benda. Di setengah tempat pada suatu masa dahulu dijatuhkan hukuman bunuh.

Seorang lelaki juga tidak boleh berkahwin dengan dua orang perempuan sesuku. Bila sudah bercerai, seorang lelaki itu tidak digalakkan berkahwin dengan perempuan yang sesuku dengan jandanya.

¹Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih, hlm. 125.

Di dalam Adat Perpatih terdapat jenis-jenis nikah kahwin yang tidak lazim, di antaranya ialah :

- i. "Menyerah" berlaku apabila seorang lelaki datang ke rumah orang perempuan yang disukainya bersama beberapa orang tua daripada sukunya. Biasanya dilakukan di waktu tengah malam dan tanpa pengetahuan keluarga perempuan tersebut. Lelaki itu tidak akan keluar dari rumah perempuan tersebut sehingga keluarga dari rumah perempuan bersetuju mengahwinkannya dengan anaknya. Setelah si lelaki 'mengisi adat' - bayaran yang berbentuk wang di mana nilainya telah ditetapkan oleh buapak, mereka ditunangkan atau 'nikah gantung'.
- ii. "Merumah" pula merupakan jalan keluar bagi si lelaki yang menyukai seorang perempuan tetapi perempuan itu tidak suka kepadanya. Lelaki itu akan datang mencero bohi rumah perempuan tersebut dengan bersenjatakan keris. Perempuan itu akan dipegang atau dipeluknya dan tidak akan dilepaskan selagi keluarga tidak bersetuju mengahwinkannya. Setelah si lelaki 'mengisi adat' upacara perkahwinan diadakan pada hari itu juga.

Bagi lelaki yang hendak "menyerah" dan "merumah" dia hendaklah seorang yang berani dan berharta - "banyak emas, senjata tajam".

- iii. "Salah-salahan" atau kadang-kadang dikenali sebagai

"Nikah terkurung di dalam". Ini berlaku apabila perempuan dan lelaki berlaku sumbang di dalam rumah - beruda-duaan. Buapak dari suku perempuan dan lelaki dipanggil dan mereka yang terlibat dipaksa kahwin. Walau bagaimanapun si lelaki mesti mengisi adat juga terlebih dahulu.

Menyentuh tentang hukum perceraian pula, talak jatuh sama seperti yang terdapat di dalam hukum Islam. Ada dua jenis cerai iaitu cerai hidup dan cerai mati. Sebelum bercerai seseorang itu mestilah berfikir panjang. Dalam Adat Perpatih seorang suami yang menghadapi masalah yang mungkin membawa kepada perceraian, maka satu kenduri kecil diadakan yang dikenali sebagai "bersuarang". Saudara pihak suami dan isteri dijemput. Kadang-kadang dengan cara begini perceraian dapat dielakkan.

Jika si lelaki hendak menjatuhkan talak juga, maka harta carian laki bini dibuat pembahagian di hadapan buapak atau lembaga. Jika perkahwinan itu menghasilkan harta carian suami isteri tidak dibahagi, ditinggalkan semua kepada isteri untuk membela anak kerana dalam masyarakat Adat perpatih apabila berlaku perceraian anak akan terus tinggal bersama ibunya. Jika bercerai mati harta selain dari tanah pusaka adat dibahagi mengikut hukum faraid.,

Sesungguhnya orang lelaki yang bercerai berhak menumpang makan minum dan tinggal di atas tanah pusaka sehingga ia berkahwin lagi. Jika ia mati, pada dasarnya semua perbelanjaan matinya akan ditanggung oleh si perempuan.

a. Hukum Tentang Berkedim

Dari segi hukum Adat terdapat dua jenis kedim yang utama. Pertama ialah kedim Adat dan yang kedua Kedim Adat dan Pusaka. Kedim Adat tidak memberi hak yang penuh kepada anggota berkedim. Bagi perempuan tidak boleh mewarisi harta pusaka dan bagi lelaki tidak boleh memegang jawatan Adat. Keistimewaannya cuma "sakit ditanam".

Kedim Adat dan Pusaka pula memberi hak penuh kepada anggota-anggota yang berkedim sebagai anggota biasa sesuatu suku itu. Kalau perempuan ia boleh mewarisi harta pusaka, kalau lelaki boleh memegang jawatan Adat Berkedim boleh dilakukan terhadap orang di luar adat termasuk yang bukan Melayu. Berkedim mestilah dengan persetujuan waris dan Lembaga :

Oso sekata
Jangan bercicir
Jangan bertinggalan.¹

Satu upacara kenduri menyembelih kerbau atau kambing diadakan yang mesti dihadiri oleh Lembaga, Buapak Besar dan waris sekalian. Yang penting dalam upacara-upacara berkedim ini ialah pengakuan dan penghebahan tentang seseorang itu telah diterima dengan hak-haknya yang tertentu. Hebah dilambangkan :

Darah dicecah
Doa ditampung

¹Dr. Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih, hlm. 146.

Sumpah dilabuh
Qur'an dijunjung.¹

Bagi kedim Adat dan Pusaka, surat pengakuan resmi daripada Lembaga atau Buapak adalah diwajibkan kerana ia melibatkan pewarisan harta pusaka adat. Surat asal itu perlu disimpan di pejabat daerah berkenaan sebagai simpanan rekod rujukan.

f. Hukum Jenayah

Di antara bentuk-bentuk jenayah yang dicatatkan di dalam Hukum Adat telah ditulis dalam bentuk kata perbilangan :

Tikam bunuh
Umpas racun
Samun sakar
Siar bakar
Maling curi
Umbuak umbai
Sumbang salah
Dahaga dahagi.

"Tikam bunuh" ialah tikam melukakan seseorang dengan senjata tajam, tidak sampai membawa maut dan bunuh pula - tikaman yang membawa maut.

"Samun sakar" ialah samun - merampas harta seseorang dengan kekerasan. Sakar pula - samunan itu menyebabkan kematian.

"Siar bakar" ialah siar - sengaja membakar harta orang tetapi tidak musnah sama sekali. Bakar - membakar dengan sengaja atau kecuaiannya menyebabkan harta musnah sama sekali.

"Maling curi" ialah maling - mengambil harta orang di waktu malam

²Ibid., hlm. 131.

dengan mengelidah, memecah dan seumpamanya. Curi pula - mengambil harta orang waktu siang hari.

"Umbuak umbai" ialah umbuak - memberi rasuah. Umbai - mengugut orang lain dengan kekerasan supaya melakukan sesuatu untuk faedah dirinya.

"Sumbang salah" ialah sumbang - sengaja berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai. Salah pula - memaksa orang lain mencabul maruah atau melakukan perkara yang tidak sopan.

"Dahaga dahagi" ialah dahaga - menderhaka kepada ketua Adat. Dahagi pula - ketua Adat mengemukakan tuduhan palsu terhadap anak buahnya.

Tanda-tanda bersalah boleh dikesan melalui rasa syak wasangka kepada pesalah terlibat apabila melihat tanda-tanda berikut :

Berjejak bak bakiak,
Berberus bak si pasin
Berbau bak embacang
Enggan lalu ranting patah
Runcing tanduk
Cencang wangguh bengkak kening
Tersindang jejak menurun, tertukik jejak mendaki.

Kata perbilangan di atas menjelaskan bahawa rasa syak wasangka dapat dikesan apabila si pesalah berlari cepat sejurus berlaku kecurian, berdasarkan desas desus atau khabar angin, berada di tempat orang yang kehilangan barang, orang yang pernah dituduh melakukan jenayah, didapati orang tercedera, mungkin dipukul orang dan juga selepas berlaku sesuatu jenayah, tiba-tiba cara hidupnya bertukar seperti hidup bermewah-mewah.

Tanda melalui syak wasangka belumlah boleh ditangkap dan dibicarakan kerana cukup bukti. Oleh itu, ia harus disiasat dengan lebih lanjut hingga terdapat bukti-bukti bahawa ia bersalah. Di antara tanda-tanda yang boleh dijadikan bukti ialah :

Terkikik terkadik tertanda terbeti
 Pulang pagi berbasah-basah, berjual bermurah-murah
 Terlebih terkejar, lo kata orang banyak
 Bertali boleh diheret, bertampuk boleh dijinjing
 Bertunggul penebangan, bersasak berserami
 Bertimbang ciak dak menjawab.

Dalam kata perbilangan ini pula perkara-perkara yang boleh dijadikan bukti ialah ia ditangkap basah ketika melakukan jenayah atau barang yang dicuri ada di tangan. Tanda-tanda lain seperti bajunya kotor atau koyak, barang-barang yang dicuri dijual dengan harga yang murah, orang ramai mengejar penjenayah dan dapat mengenalinya walaupun tidak dapat menangkapnya, terdapat tanda-tanda pergelutan seperti tangan atau telinganya terpotong, terdapat tanda-tanda yang sah telah melakukan jenayah misalnya darah atau mayat dan seseorang menyerlahkan kesalahannya dengan memberi jawapan yang dusta kepada soalan-soalan yang dikemukakan.

Apabila terdapat salah satu daripada bukti-bukti yang telah disebutkan di atas, maka pesalah itu akan ditangkap dan dibawa ke hadapan Ketua Adat untuk dibicarakan. Kes-kes kecil dan melibatkan anggota perut yang sama dibicarakan di hadapan buapak. Manakala kes-kes yang lebih besar dan yang melibatkan anggota satu-satu suku tetapi berlainan perut dibicarakan oleh lembaga. Kes-kes yang paling berat dan melibatkan sesuatu luak diadili oleh undang.

Hukum jenayah Adat Perpatih berasaskan budi bicara dalam mengenakan hukuman dan penembusan kesalahan. Ketua Adat akan menggunakan kebijaksanaan dalam membuat keputusan dan menyesuaikan dengan keadaan, mengikut alur dan patut. Kata perbilang Adat :

Ular dipalu biar mati
Kayu pemalu jangan patah
Tanah dipalu jangan lembang (rosak).

Kesimpulannya, hukum Adat secara umumnya dicatatkan dalam kata perbilang adat. Perlaksanaan hukumannya berdasarkan kepada kebijaksanaan dan budi bicara ketua adat. Ketua-ketua yang terlibat mengadili kesalahan berdasar kepada besar kecilnya kesalahan itu dan mengikut kuasa yang ada padanya. Ketua-ketua adat pada dasarnya bukan untuk menjatuhkan hukuman tetapi sebagai penyelesaian kepada masalah.

BIBLIOGRAFI

al-Qur'ān al-Karīm

- ^CAbdullah Nāsih ^CUlwan, Tarbiah al-Aulād Fī al-Islam, 2 juzuk, Singapura: Kerjaya al-Mahmudah, 1975.
- ^CAbdullah Nāsih ^CUlwan. Pendidikan Anak-anak Dalam Islam. Ptrj. Syed Ahmad Semait. 2 juzuk. Singapura : Pustaka Nasional Pte., Ltd., 1990M/1410H.
- ^CAbdullah Siddik, Dr. Pengantar Undang Adat di Malaysia, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975.
- Abdullah Taib. Asas-asas Antropologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.
- Abdul Rahman Mohammad. Dasar-dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.
- Abdul Samad Idris, Dato'. Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Seremban: Pustaka Asas, 1970.
- Ahmad Amin, Dr. Kitab al-Akhḫāḫ. Beirut : Dā al-Kitab al-^CArabi, 1969.
- Abi Daud, Sulaimān Ibn. al-Ash^Cath al-Sajastānī. Sunan Abi Daud, 2 juzuk. Dar al- Fikri, t.t.
- Aishah Hasan (Penterjemah). Pendidikan Islam Terhadap Anak-anak. 2 bahagian. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1928.
- A. Kadir Yusof. "Menenal Adat Perpatih : Struktur dan Organisasinya". Dewan Masyarakat. (April, 1973).
- Amir Syarifuddin, Dr. Perlaksanaan Hukum Kewarisan Dalam Lingkungan Adat Minangkabau. Jakarta: P.T. Gunung Agung, 1984.
- Ariff bin Kassim. "Berkedim: Satu Proses Bersaudara Dalam Adat Perpatih". Mastika (Februari, 1979).
- A. Samad Idris, Tan Sri . Adat Perpatih. 52 Siri Rencana Akhbar Mingguan Malaysia 1988-1989, Dikumpulkan oleh Salimah Ali, Koleksi Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.
- al-Banna, As-Syahid Hassan, al-Imām. Konsep Masyarakat Pembaharuan Islam. Ptrj. Su'adi Sa'ad. Malaysia : Thinker's Library Sdn. Bhd., 1988.
- Bey Ariffin, H. Abdullah Said. Rahsia Ketahanan Mental Dan Bina Mental Dalam Islam. Surabaya. Penerbit 'al-Ikhlās, 1980.

- De Jong, P.E. Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio Political Structure in Indonesia. t.tp : The Hague Martinus Nijhoff, 1952.
- Dewey, John. Teory of Moral Life. t.tp: Holt, Rinehart And Winston IWC., 1960.
- al-Farrā', Mohammad b. Husin, al-Qadi, al-Ahkām al-Sultāniah. Mesir: Mustaffa al-Babī al-Halabi wa Auladuhu, 1966M/1386H.
- Gazalba, Sidi, Drs. Ilmu Islam. Kuala Lumpur: Perusahaan Offset-Bumikita, 1979.
- Gullick, J.M. Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978.
- Hamka, Haji Abdul Malik Karim Amrullah, Prof. Dr. Tafsir al-Azhar. 10 jilid. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1990.
- Hamka. Islam Dan Minangkabau. Jakarta : Penerbit Pustaka Panjimas, 1984.
- Hamzah Ya'qub, Dr. Ethika Islam. Jakarta : C.V. Publicita, 1979.
- Hanbal, Ahmad, al-Imām. Musnad al-Imam Ahmad b. Hanbal. 6 juzuk. Beirut : Maktabah Islami, t.th.
- Hussein bin Kassim. Adat Perpatih. Transkripsi Sejarah Lisan Koleksi Adat Perpatih (5 Oktober, 1989).
- Hooker, M.B. Adat Laws In Modern Malaya. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1971.
- Hooker, M.B. Reading in Malay Adat Laws. Singapore : Universiti Press, 1970.
- Ibi. "Adat Dalam Masyarakat Melayu", Mastika, (March, 1962).
- Ibnu Majah, Abi ^CAbdullah Muhammad b. Yazid al-Qazwīni, Sunan Ibnu Majah. 2 juzuk t.tp : ^CIsa al-Babī al-Halabi wa Syarkahu, t.t.
- Ibnu Manẓur, Jamaluddin Muhammad b. Mukram. Lisan al-^CArab. 15 jilid. Beirut, Dār al-Beirut, 1968M/1388H.
- Ibnu Kathīr, Abi al-Fidā' Isma^Cīl, al-Imām. Tafsir Ibnu Kathīr. 4 juzuk. Beirut: Dār al-Fikri, 1968.
- Ibrahim Atin, Perbilangan Adat. t.tp. Sinaran Bros. , t.t.
- Idrus Hakimi dt. Raja Penghulu, H. Rangkaian Mustika Adat Basan di Syarak di Minangkabau. Bandung: Remadja CV, 1984.
- Ismail Mat. "Pemakaian Kaedah Antropoligi dan Sains Perundangan Islam Dalam Kajian dan Penilaian Kos Undang-undang Adat".

Islāmiyyāt. Vol. 7 (1986).

Jamaluddin b. Abdullah. "Adat Menyembah: Mastika (Julai, 1958).

Khazin Mohd. Tamrin. Orang Jawa di Selangor, Penghijrahan dan Penempatan 1880 - 1940. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

Kolb, Julius Gould William L., ed. A Dictionary of The Social Sciences. New York : The Free Press, t.t.

Lister, Martin. "Malay Law in Negeri Sembilan". JMBRAS, no. 22, 1980.

Mansoer, M.D., Drs. Sejarah Minangkabau. Jakarta: Bharata, 1970.

al-Marbawi, Mohammad Idris ^CAbdul Rauf. Kamus Idris al-Marbawi Arabi - Malayuwi. Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuhu, 1350H.

al-Maududi, Abu ^CAla. Pokok Pandangan Hidup Muslim, Ptrj. Osman Ralibyh. Singapura: Pustaka : Nasinal Pte. Ltd, 1982.

M. Nasroen, Mr. Prof. Dasar Falsafah Adat Minangkabau. Djakarta: Bulan Bintang, 1971.

Mochtar Naim, Dr. Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau. Yogyakarta : Gajah Mada Universiti Press, 1979.

Mohamed Din bin Ali, Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu. Kuala Lumpur : The Economy, Printer Ltd. 1956.

Mohd Ridzuan Awang. Konsep Undang-undang Tanah Islam, Pendekatan dan Perbandingan. Kuala Lumpur: ar-Tahmaniah, 1987.

Mokhtar bin Hj. Md. Dom. Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur : Federal Publication, 1977.

M. Rasjid Manggis Datuk Radjo Panghoeloe. Minangkabau Sejarah Rengkas dan Adatnya. Jakarta: Penerbit Mutiara, 1982.

Muhammad Abul Quasem. The Ethics of al-Ghazali a Composite Ethics In Islam. Petaling Jaya: Central Printing Sendirian Berhad, 1975.

Muslim, Muslim b. al-Hajjāj, al-Imām, Sahīim. 5 jilid. Beirut: Dar al-Fikri, 1978M.

Nordin Bachik. Adat Perpatih. Transkripsi Sejarah Lisan, Koleksi Adat Perpatih.

Nordin Selat, Dr. Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih. Kuala Lumpur:

Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd. 1982.

Nordin Yakub, Dt. B. Minangkabau Tanah Pusaka. Bukit Tinggi, Pustaka Indonesia, 1987.

Qutub, Muhammad ^CAli. Bai^Cat kaum Wanita Terhadap Rasulullah. Ptrj. Jamaluddin Kafie. Malaysia : Panamas Sdn. Bhd., 1984.

Qutub, Muhammad ^CAli. Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam. Ptrj. Haji Taib Azam, uddin Mohd Taib, Haji Mohammed Yasin Haji Abdul Majid Haji Jaafar, T. Muhammad. Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam. Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid, 1989.

Runnes, Dagobert D. Dictionary of Philosophy. U.S.A.: Littefield, Adams & Co., 1970.

al-Sayid Sabiq. Fikh Sunnah. t.tp Maktab al-Muslim., t.t.

Sayid Sabiq. Fikih Sunnah, Ptrj. Drs. Moh Thalib. Bandung: al-Ma'arif, 1981.

al-Tirmidhī, Abi ^CIsa Muhammad b. ^CIsa. al-Jami^C al-Sahī wa Huwa Sunan al-Tirmidhi. 5 juzuk. Mesir : Mustafa al-Babi wa Auladuhu, 1985M/1395H.

Winstedt, R.O. "Familhy Relationship in Negeri Sembilan". Journal of The F.M.S. Museums. Vol. IX, Part II (Januari, 1920)

Kertas Kerja

1. Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih. Anjuran PERMANIS, UKM. pada 17-18 September, 1988.

- i. Tan Sri Dato' Haji Abdul Samad Hj. Idris. "Secebis Adat Perpatih Nilai dan Falsafahnya".
- ii. Tuan Haji Md. Sharif Fakeh Hassan. "Keberkesanan Adat Pepatih Di Dalam Pembentukan Sebuah Masyarakat Yang Dinamis".
- iii. Dato' Haji Mustafa Hj. Ahmad, "Adat Perpatih Dan Syarak Di Negeri Sembilan".

2. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Anjuran UPM, 1984 .

- i. H.M. Dahlan, "Sistem Ide Dalam Masyarakat Adat".
- ii. Mohd Yusof b. Md. Nor. "Perlambangan Dalam Perbilangan

Adat Perpatih : Satu Pandangan Umum".

- iii. Idrus Hakimi Dt. Raja Penghulu. "Adat Minangkabau Basandi Syarak, Syarakt Basandi Kitabullah Dalam Pembangunan Masyarakat"

3. Kertas Kerja Seminar Persejajaran Adat Perpatih Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan pada 10 -12 April, 1974.

- i. Haji Abbas b. Haji Ali, "Sebahagian Dari Dasar Adat (Tinjauan Secara Umum).
- ii. Haji Abd. Samad Idris. "Kemurnian Dalam Adat Perpatih".
- iii. Ustaz Hashim A. Ghani, "Kata-kata Perbilangan Dan Tafsirannya".
- iv. Idris b. Hj. Tain. "Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan".
- v. Dr. Khoo Kay Kim, "Sistem Politik Negeri Sembilan".

Temubual

Tuan Haji Sharif Fakeh Hasan. Kg. Mula Rembau, N. Sembilan. Temubual pada 2.2.1991.

Ustaz Haji Mustafa Ahmad. Taman Datuk Wan, Seremban, N. Sembilan. Temubual pada 30.1.1991.

Ustaz Ali Baharum. Kadi Besar, Mahkamah Tinggi, Seremban. N. Sembilan, Temubual pada 30.1.1991.

Sulaiman Kedimi, Pegawai Bahagian Pesaka Daerah Kuala Pilah, N. Sembilan. Temubual pada 20.12.1990.